Umikalthum Binti Zulkefly (DH41)

## Pensyarah Program

Rohana Binti Hassan Basri (DH54)  
Nurbaya Binti Mohamed Salleh(DH48)  
Suraya Binti Abd Wariff(DH48)  
Isrul Hasrita Binti Ismail(DH48)  
Dr Nor Rahimy Binti Khalid (DH48)  
Rusliah Binti Othman(DH48)  
Siti Raudha Binti Azis(DH44)  
Afeira Helena Binti Zainudin(DH44)  
Nuranika Shamimi Binti Shamsdin(DH41)

## Pensyarah Program

Suzana Binti Ithnain (DH48)  
Kamisah Binti Solikin(DH48)  
Dr. Zanatul Shima Binti  
Aminuddin(DH48)  
Jerina Binti Ibrahim(DH48)  
Siti Noorain Binti Awalludin(DH44)  
Mohd Shazwan Bin Dzulkapli(DH44)  
Muhamad Noor Baihaqi Bin  
Mokhtar(DH44)  
Yusrita Binti Yusope(DH44)  
Mohd Khairil Bin Zainal Bahrin(DH44)  
Fakihah Anurul Binti Mohd Azli  
Navamohan(DH41)  
Anis Farita Binti Muhamad Yatim(DH41)  
Nur Farahin Afiqah Binti Daud(DH41)

## Pensyarah Program

Mohd Zainudin Bin Mohd Esin (DH54)  
Khuzaimah Binti Baharuddin (DH52)  
Quyru'l Zeta Binti Ishak (DH48)  
Azolina Binti Mat Saad(DH48)  
Norhayati Bt Jais @ Mohd Said (DH48)  
Zayyah Binti Azman(DH48)  
Noor Aini Binti Moharad (DH44)  
Norhidayah Binti Samsu(DH41)  
Muhamad Rahmad Bin Hassan(DH41)

Jabatan Perdagangan merupakan jabatan akademik di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan yang kini menawarkan EMPAT (4) Program iaitu Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS), Diploma Kewangan & Perbankan Islam (DIB), Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan (DLS) dan Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM). Seramai 47 orang tenaga pengajar di jabatan ini yang terlatih, berpengalaman dan pakar di dalam bidang masing-masing diberi tanggungjawab bagi melahirkan tenaga mahir separa profesional yang berkemahiran tinggi dan berwibawa.

## FASILITI DAN KEMUDAHAN JABATAN PERDAGANGAN



Bil.	Fasiliti	Bilangan
1	Bilik Kuliah 1-9	9
2	Bilik Kuliah 10 Industry On Campus (Etiqa Classroom)	
3	Bilik Kuliah 11-12	2
4	Bilik Kuliah Teknologi	4
5	Makmal Komputer	4
6	Bilik Simulasi Logistik	1
7	Makmal Logistik	1
8	Retail Simulation Mart	1

### MAKMAL & BILIK KULIAH YANG LENGKAP



### BILIK KULIAH YANG LENGKAP



TECHNOLOGY ENABLE COLLABORATIVE CLASSROOM (TECC)



## STATISTIK PENSYARAH JP



Diploma Kewangan & Perbankan (DIB)

13

Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan (DLS)

13

Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM)

12

Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS)

11


KESELURUHAN  
PENSYARAH

49



## KELAYAKAN/KOMPETENSI PENSYARAH

KELAYAKAN/KOMPETENSI  
PENSYARAH



KESELURUHAN  
PENSYARAH

49

## SIJIL PROFESIONAL JABATAN PERDAGANGAN




1. Chartered Islamic Finance Professional (CIFP)	• 1
2. Certified Qualification in Islamic Finance (CQIF)	• 1
3. Islamic Finance Planner (IFP) -	• 2
4. Fundamental Certificate Islamic in Banking, Finance and Takaful (FCIBT)	• 2
5. License - Takaful Basic Examination (TBE)	• 3
6. Professional Certificate of Logistics & Transport (CILT)	• 5
7. Professional Certification in Halal Retail & Supply Chain	• 3
8. Professional Diploma in Freight Logistics & Management	• 1
9. Professional Certification in Entrepreneurship	• 1
10. Professional Certificate in Retail Management(MIPMM)	• 7
11. Professional Certificate in Halal Retail & Supply Chain Management(MIPMM)	• 8
12. Professional Certificate in Digital Marketing(DMI)	• 2
13. Professional Certificate in Marketing (Asia)	• 1
14. Professional Certificate in Data Science	• 2
15. Microsoft Specialist	• 7

15

SIJIL  
PROFESIONAL

## JUMLAH PENSYARAH YANG MEMPUNYAI SIJIL PROFESIONAL MENGIKUT PROGRAM



## JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI JABATAN PERDAGANGAN



- |   |   |
|---|---|
| <p><b>1</b> TUAN HAJI RAZLI BIN RAMLI<br/>Head Business Advisory<br/>Islamic Banking &amp; Finance Institute Malaysia (IBFIM)</p> <p><b>2</b> WAN KAMARUDIN BIN WAN ZAKARIA<br/>Pengarah Urusan<br/>DGM Support (M) Sdn Bhd</p> <p><b>3</b> TEH AH HOCK<br/>Pengarah/ COO<br/>Home Products Center (Malaysia) Sdn Bhd (HomePro)</p> <p><b>4</b> YBRS. Dr. MOHD NIZAM BIN ABDUL KADIR<br/>Director<br/>Lucrative Base Group of Companies</p> | <p><b>5</b> CHUANG BOON HUA<br/>Director Business Development<br/>Fusionex International</p> <p><b>6</b> MOHD FADZLI BADARUL HISYAM<br/>Programmer/ Founder<br/>Codework Studio</p> <p><b>7</b> N.M. THANGARAJ<br/>President<br/>Malaysia Association of Retail Management (MARM)</p> <p><b>8</b> YBHGS. DATO' TS. ABDUL RAZAK BIN ABD MALEK<br/>President<br/>CILT International</p> |
|---|---|

## KOLABORASI INDUSTRI JP



## KEJAYAAN PENSYARAH JP



THE MOST OUTSTANDING DEPARTMENT  
AWARD SUCCESS AWARD@PNS 2020



BOSMeC@MCO2020

BEST PAPER AWARDED  
4ps Marketing Mix and Ariani's Customer  
Purchase Decision  
ICO-ASCNITECH 2018  
Pn Fardhila Syahira Binti Salmi Nordin



## INOVASI PNP PENSYARAH JP




Pertandingan  
Inovasi Pensyarah  
TVET 2020

1. AR apps for Retail Interior Store – PERAK
2. Mission Immersible I360: Promotion Tools at Home Pro IOI Mall, Putrajaya - EMAS
3. SMART SUKUK BOARD - PERAK
4. ST@R Cemara Inn – PERAK
5. WAREHOUSE SIMULATION & MODELLING - 'A Fun Crossword' - PERAK
6. CODERGARAGE: LEARNING BY DOING IN PHP PROGRAMMING - EMAS
7. KODAI.MY LAYOUT SIMULATOR (KLs) - PERAK



1. Mission Immersible I360: Promotion Tools at Home Pro IOI Mall, Putrajaya - PERAK
2. AR apps for Retail Interior Store – PERAK


## GRADUAN JABATAN PERDAGANGAN SEHINGGA DIS 2019



KESELURUHAN  
GRADUAN

**2026**

## STATISTIK PELAJAR JABATAN PERDAGANGAN SESI JUN 2020



KESELURUHAN  
PELAJAR  
**1283**

## KEBOLEHPASARAN GRADUAN JABATAN PERDAGANGAN



	TAHUN							
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (E-DAGANG)	87%	86%	73%	89%	97%	91%	94%	97%
DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM		82%	68%	86%	87%	93%	97%	98%
DIPLOMA PENGURUSAN LOGistik DAN RANGKAian BEKALAN				90%	96%	96%	98%	98%
DIPLOMA PENGURUSAN PERDAGANGAN							93%	97%
PURATA	87%	84%	70%	88%	94%	93%	96%	98%

## AKTIVITI PELAJAR



Program Pembudayaan Keusahawanan Jabatan Perdagangan (JP)



eUSAHAWAN YOUNG HEROES SUMMIT 2019



Program World Clean-Up 2020

## KEJAYAAN PELAJAR JP



Ahmad Nor Iman Hakim Rakib (Olahragawan-Taekwando)



Polyskill 2019 Silver Visual Merchandising



ANUGERAH EMAS Young Socialpreneur Programme 2.0

THE BEST E-LEARNING PRODUCT AND SILVER AWARD NATIONAL E LEARNING CONFERENCE 2018 (NeLCon2018)

# JABATAN MATEMATIK SAINS DAN KOMPUTER

2019



## DATA ORGANISASI JABATAN MATEMATIK SAINS DAN KOMPUTER

2019



DR. ANUAR BIN HASSAN  
KETUA JABATAN  
(DH48)



NURUL AZNA IDAYU BINTI AB AZIZ  
KETUA KURSUS  
(DH44)

SAINS
 NUR ADILLA BINTI KASIM Pensyarah DH44

MATEMATIK
 SALWATI BADRODDIN Pensyarah Kanan DH52

KOMPUTER
 HJ SAHALANI BIN BASAR Pensyarah Utama DH54

 NURUL AZNA IDAYU BINTI AB AZIZ Pensyarah DH44
---

 RAJA NADIA BINTI RAJA AHMAD Pensyarah Kanan DH48
--

 SOM CHAI A/L ENOI Pensyarah Kanan DH48
--

 MOHAMMAD LUFTI AZWAN BIN ISMAIL Pensyarah Kanan DH48
--

 MOHD SANI BIN AHMAD Pensyarah DH44
--

 PANNEER SELVEM A/L INDIRAN Pensyarah DH44
---

 ANISAH ARBAIN Pensyarah DH44
--

 NOREHAN BINTI ABU HASSAN Pensyarah DH44
---


Disahkan oleh;

DR. ANUAR BIN HASSAN  
Ketua Jabatan  
Jabatan Matematik Sains Dan Komputer,  
Politeknik Nilai, N. Sembilan

2020



### CARTA ORGANISASI JABATAN MATEMATIK SAINS DAN KOMPUTER 2020



Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) merupakan sebuah jabatan sokongan akademik di Politeknik Nilai yang bertanggungjawab menyelaras, membangun dan meningkatkan kemahiran asas dalam bidang sains, matematik dan aplikasi komputer kepada seluruh pelajar Politeknik Nilai. Dengan kemudahan fasiliti seperti Makmal Komputer, Makmal Sains dan Makmal Matematik, JMSK Politeknik Nilai ini mula beroperasi pada sesi Disember 2013. Jabatan ini diketuai oleh TS Dr Anuar Hassan serta didokong oleh seramai dua belas orang pensyarah yang terdiri dari pelbagai latar belakang akademik dari pelbagai institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara untuk mengajar kursus Matematik, Sains dan Aplikasi Komputer.

JMSK tidak menawarkan sebarang program tetapi mengendalikan kursus teras bagi jabatan-jabatan induk di PNS dengan menyediakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersistematis bagi kursus Matematik, Sains Kejuruteraan dan Aplikasi Komputer bagi pelajar diploma, pelajar pra-diploma sains dan pra-diploma perdagangan yang melibatkan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Agro Bioteknologi dan Jabatan Perdagangan. Bagi mencapai misi politeknik, JMSK sentiasa meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang matematik, sains dan komputer mengikut silibus yang telah ditetapkan dan selari dengan halatuju pendidikan masa kini.

**MISI:** Berazam dalam merealisasikan Jabatan Matematik, Sains dan Komputer cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran untuk diaplikasikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan agro-bioteknologi.

**VISI:** Membentuk pelajar-pelajar Politeknik Nilai yang berpengetahuan dan berkebolehan dalam bidang matematik, sains dan komputer berlandaskan pendekatan dan teknik terkini.

#### Statistik Gred Staf

Bil.	Jawatan	Jumlah
1	Ketua Jabatan (DH48)	1
2	Ketua Kursus (DH44)	1
3	Pensyarah DH52	2
4	Pensyarah DH 48	4
5	Pensyarah DH44	5
Jumlah		13

#### Kelayakan Akademik

Bil	Kelulusan	Jumlah
1	Doktor Falsafah (PhD)	1
2	Sarjana	7
3	Sarjana Muda	5
Jumlah		13

#### Kelayakan Sijil Profesional

Bil.	Sijil Profesional	Jumlah
1	Board of Engineers Malaysia (BEM)	6
2	Malaysia Board of Technologists	4
3	Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)	1
Jumlah		11

## Taklimat Pengenalan dan Pelaksanaan STEM @ Politeknik Nilai

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) PNS mengambil inisiatif untuk melestarikan pembudayaan *Science, Technology, Engineering & Mathematic* (STEM) bagi menyahut agenda negara. Taklimat perkongsian ilmu telah diberikan oleh Ts Prof. Madya Dr. Sattar, Pengurus Pusat Pembudayaan STEM Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 6 Disember 2019. Kesedaran tentang STEM merupakan keperluan utama dalam merealisasikan kejayaan pendidikan TVET di peringkat politeknik.



## Bengkel Teknik Menjawab Soalan Peperiksaan Akhir Matematik

Bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan akhir matematik telah diadakan pada 14-18 Oktober 2019. Program ini dilaksanakan bagi membantu pelajar membuat persediaan menjawab soalan peperiksaan akhir. Bengkel ini telah dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah JMSK yang mengajar kursus matematik melibatkan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) serta Jabatan Agroteknologi & Bioteknologi (JAB). Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan menempatkan pelajar yang tinggi, sederhana dan rendah pencapaian penilaian berterusan dalam satu kumpulan. Pelajar mempunyai peluang untuk menyelesaikan masalah menggunakan jalan kerja yang lebih cepat dan lebih fokus terhadap soalan yang dijawab semasa peperiksaan akhir.



## Program Persijilan Profesional Microsoft Office Specialist (MOS)

Jabatan Matematik Sains dan Komputer Politeknik Nilai telah membuka peluang kepada bakal graduan Politeknik Nilai untuk mengambil peperiksaan Persijilan Profesional *Microsoft Office Specialist (MOS)* bermula pada 8 Julai 2020 sehingga 31 Oktober 2020. Program Persijilan Profesional MOS ini terdiri daripada empat modul iaitu *Microsoft Words*, *Microsoft Excel*, *Microsoft Power Point* dan *Microsoft Outlook*. Pelajar wajib lulus kempat- empat modul untuk melayakkan mereka mendapat persijilan MOS 2016. Tenaga pengajar adalah terdiri daripada pensyarah Jabatan Matematik Sains dan Komputer Politeknik Nilai.



## **STEM Day @ PNS 2020**

Stem Day @ PNS 2020 telah dilaksanakan pada 13 Februari 2020 oleh unit STEM Jabatan Matematik Sains dan Komputer Politeknik Nilai di Dewan Sri Putra. Seramai lebih daripada 1500 orang pelajar telah hadir dalam program ini yang melibatkan pelajar PNS, Institusi Pendidikan Tinggi lain, pelajar sekolah dan komuniti di sekitar Labu, Enstek dan Nilai. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah diadakan. Program ini dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu pameran seperti pameran dari Planetarium Negara Stem Cube Challenge, Pasukan Robot politeknik Malaysia dan lain-lain. Aktiviti online booth quize challenge dan bicara angkasa oleh YBhg, Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor yang merupakan acara kemuncak dalam program ini.

Soal selidik telah diedarkan bagi menguji keberkesanannya program pada para pengunjung. Seramai 236 orang pengunjung telah menjawab soal selidik ini yang terdiri daripada 149 adalah pengunjung lelaki manakala 87 adalah pengunjung perempuan. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu penilaian pelaksanaan program karnival, penilaian pengurusan program karnival dan penilaian keberkesanannya program.

Dapatkan soal selidik menunjukkan bahawa aspek penilaian pelaksanaan program berada pada tahap tinggi dengan min 3.70, manakala aspek penilaian pengurusan karnival pula menunjukkan minnya sebanyak 3.63 juga pada tahap tinggi. Min keseluruhan bagi aspek keberkesanannya program juga pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.63. Justeru itu, secara keseluruhannya dapatkan menunjukkan bahawa semua pengunjung memberikan respon yang positif terhadap program ini. Program ini sangat cemerlang penganjurannya dan wajar diadakan lagi pada masa akan datang.



Para Jemputan



Booth Pameran



Pemenang Online Booth Quiz Challenge



Bicara Angkasa




Sijil kolaborasi (CoC)

## Pencapaian

Nama	Tajuk	Tempat
Nurul Azna Idayu binti Ab Aziz	Study on The Effectiveness of 3d Force Model as A Teaching Material for Engineering Mechanics Course	PolyCCRise Politeknik Nilai
Nur Adilla binti Kasim	Cutting Tool Wear Progression Index via Signal Element Variance	Jurnal of Mechanical Engineering Science, Universiti Malaysia Pahang
Dr Anuar bin Hassan	Ujian Kebolehgunaan Prototaip Pembelajaran Multimedia Bercirikan Animasi Kawalan Pengguna Rawak (KPR) di Politeknik Malaysia	Seminar Internasional ASBAM Ke-7 Tahun 2018, Fakultas Ilmu Budaya (Fib-Unhas) Kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA-UKM) Hotel the Jayakarta, Lombok, Mataram
Pn Salwati binti Badroddin	Ujian Kebolehgunaan Prototaip Pembelajaran Multimedia Bercirikan Animasi Kawalan Pengguna Rawak (KPR) di Politeknik Malaysia	Seminar Internasional ASBAM Ke-7 Tahun 2018, Fakultas Ilmu Budaya (Fib-Unhas) Kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA-UKM) Hotel the Jayakarta, Lombok, Mataram



# JABATAN PENGAJIAN AM



Jabatan Pengajian Am (JPA) merupakan Jabatan Sokongan Akademik yang bertanggungjawab membantu Jabatan Induk dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Disamping itu, jabatan ini juga berperanan mengembangkan potensi pelajar supaya berakhlik mulia, lebih berketrampilan, mahir dalam penguasaan berbahasa Inggeris, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan bermasyarakat. JPA diterajui oleh En. Jamalizamani bin Jamaluddin sebagai Ketua Jabatan, 23 orang pensyarah yang terdiri daripada 11 orang pensyarah dari Unit Pendidikan Islam dan 11 orang pensyarah dari Unit Bahasa Inggeris.

Kursus-kursus yang ditawarkan oleh unit Pendidikan Islam ialah MPU2312 (Pengajian Islam), MPU21012 (Pengajian Malaysia), DUA2022 (Pengurusan dalam Islam), MPU2352 (Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam), DUB2012 (Nilai Masyarakat Malaysia) dan DUA6022 (Komunikasi dan Penyiaran dalam Islam). Kursus-kursus yang ditawarkan bagi unit Bahasa Inggeris ialah DUE10012 (Communicative English 1), DUE3012 (Communicative English 2), DUE3012 (Communicative English 3), PUE1014 (English Science 1), PUE2014 (English Science 2) dan PUE1024 (English for Commerce)

Kursus-kursus yang ditawarkan, dapat melengkapkan diri pelajar dengan nilai-nilai agama dan moral yang tinggi, mampu berkomunikasi dalam pelbagai peringkat pengurusan serta melahirkan pelajar yang proaktif dalam setiap bidang yang diceburi. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dapat melahirkan graduan yang berkualiti, berketrampilan dari sudut emosi, rohani, intelektual dan berakhlik mulia. Graduan ini juga diharapkan mempunyai kebolehan berbahasa dan mampu berkomunikasi dengan baik serta kompeten di peringkat global bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan dinamik.

Perkara	Indikator
Jumlah staf	23 orang
	Pensyarah Utama Gred DH 54 – 4 orang
	Pensyarah Kanan Gred DH 48 – 12 orang
Jumlah staf mengikut gred	Pensyarah Gred DH 44 – 4 orang Pensyarah Gred DH 41 – 3 orang
Sijil profesional	Tiada
Menganggotai badan profesional	Tiada

### ***Malaysia Polytechnic Speakers' Corner Project – Let's Talk About It!***

Program bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia ke-50, anjuran Malaysia Polytechnics Communication Enhancement Council (MPCEC), Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) ini telah dilaksanakan dengan Kerjasama di Politeknik Premier Ungku Omar (PUO) Ipoh Perak pada 27 Februari 2019 bertujuan memantapkan komunikasi berkesan dalam Bahasa Inggeris.



### **Malaysian Polytechnic English Festival (MPEF 2019)**

Program berlangsung pada 26- 28 Ogos 2019 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah melibatkan penyertaan dari program ini 48 politeknik dan kolej komuniti dari seluruh Malaysia bertujuan untuk memantapkan kemahiran dan memberi pendedahan kepada pelajar dalam menyertai pelbagai kategori pertandingan dalam Bahasa Inggeris melalui scrabble, news casting, public speaking, spelling bee dan story telling. Dua orang pelajar PNS telah berjaya memenangi tempat ke-2 dan ke-3 di dalam pertandingan yang dijalankan.



### **Seminar Teknik Menjawab Soalan MUET Sesi Mac 2019 (1/2019)**

Seminar dilaksanakan pada 6 Januari 2019 bagi menyediakan 216 pelajar PNS sebelum menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET) sebagai memenuhi keperluan menyambung pengajian ke Universiti.

### **Poly Idol 2019**

Pertandingan *Poly Idol* 2019 yang berlangsung pada 27 Mac 2019 di Dewan Kuliah Utama bertujuan mencungkil bakat pelajar dalam menyampaikan lagu dalam Bahasa Inggeris. Terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu solo dan duet berkumpulan. Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkam dari para pelajar dan telah memberikan pendedahan yang mendalam tentang penggunaan Bahasa Inggeris yang lebih berkesan dalam kalangan pelajar.



### **Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019- Pertandingan Debat Perpaduan**

Program anjuran PNS, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia ini diadakan pada 21 Mac 2019 di Dewan Kuliah Utama PNS dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar berbilang kaum. Seramai 40 orang pelajar telah mengambil bahagian berdebat yang menjurus kepada isu perpaduan sekaligus memberi kesedaran untuk lebih cakna erti perpaduan dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia.



## Seminar Pengajian Malaysia

Seminar Pengajian Malaysia ini dilaksanakan pada 28 ogos 2019 sempena 60 tahun merdeka di Dewan Sri Putra PNS melibatkan semua pelajar semester satu. Seminar bertujuan memberi pendedahan kronologi pembentukan negarabangsa serta realiti semasa di Malaysia



## Pertandingan Festival Al-Quran Dihatiku

4 pelajar PNS telah menyertai Pertandingan Festival al-Quran di hatiku (FAQEH 20) peringkat Politeknik Malaysia telah diadakan pada 5-8 Ogos 2019 di Politeknik Mersing, Johor. Festival bertujuan menyediakan platform pemilihan pelajar terbaik yang menguasai bidang tilawah dan hafazan melibatkan surah-surah pilihan.

## Makmal Bahasa: Seni Arator Bahasa Melayu Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia 2019

4 orang pelajar PNS telah menyertai program ini yang telah diadakan pada 26-30 April 2019 di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang. Program bertujuan menonjolkan bakat pelajar agar mempunyai karisma dan berkebolehan dalam menganalisis isu-isu semasa secara kritis



## Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019

4 orang pelajar PNS telah menyertai Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019 anjuran jabatan Penerangan Negeri Sembilan telah diadakan pada 10-11 Julai 2019 di Dewan Sri Putra Politeknik Nilai anjuran bersama JPA dan Jabatan Pen-erangan Negeri Sembilan. Pertandingan ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kemahiran isu-isu secara kritis serta menonjolkan bakat pelajar dalam meningkatkan kemahiran pengucapan.



## Kelas Mengaji Muslimat

Kelas Mengaji Muslimat merupakan kelas belajar mengaji al-Quran dalam kalangan 25 orang kakitangan wanita PNS yang berdaftar. Kelas berlangsung selama 2 bulan bermula 1 September 2020 sehingga 30 Oktober 2020 dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam, Jabatan Pengajian Am, PNS. Kelas dijalankan bagi merealisasi program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat serta penjanaan Akaun Amanah PNS. Kelas ini secara bersempena bertempat ULPL setiap hari Jumaat (12.30 tengahari hingga 3.30 petang). Kelas bermatlamat menjadi platform kepada para peserta menambah ilmu al Quran dari segi bacaan dan juga ilmu tajwid. Puan Halimah Ismail fasilitator bertauliah dari Jabatan Agama Islam Selangor telah dilantik sebagai fasilitator bengkel. Kelas dimulakan dengan pembelajaran ilmu tajwid dan selebihnya semakan bacaan al Quran setiap orang peserta serta ibrah daripada al-Quran



Jabatan Pengajian Am telah berjaya mengukir kejayaan yang cemerlang dalam beberapa program yang disertai di sepanjang tahun 2019. Antaranya ialah:


Program	Tarikh	Peringkat	Pencapaian
<b>Malaysian Polytechnic English Festival 2019 (MPEF)</b>	26- 28 Ogos 2019	Kebangsaan	Scrabble tempat kedua (Komathi d/o Sivaraman) Public Speaking tempat ketiga (Gaautham a/l Manimaren)
<b>Pertandingan Pidato Kenegaraan 2019 Anjuran Jabatan Penerangan Negeri Sembilan</b>	10-11 Julai 2019	Negeri	Naib Johan (Muhammad Faiz Irfan bin Ahmad Sayuti) Ketiga (Farid Wajdi bin Mohd Wafi)
<b>Pembentangan 4TH International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research &amp; International Conference on Science and Technology (ICEISR 2019)</b>	2-3 September 2019	Antarabangsa	Kajian bertajuk "The Impact of English Language Program (EnEP) in Enhancing Polytechnic Nilai Students' English Language Proficiency" (Arnie Chiah Liling)
		Antarabangsa	Kajian bertajuk "Blended Learning Among English Lecturers in Premier Polytechnics: Needs and Readiness" ((Norfaizah Bidin)
		Antarabangsa	Kajian bertajuk "The Washback of an Oral Presentation Assessment Among Diploma in Business and Commerce Students and the English Language Teachers' Feedbacks on the Students in Nilai Polytechnic" (Jasmine Jamaludin & Shammine a/p Dharmalingam)
		Antarabangsa	Kajian bertajuk "Keberkesanan Penglibatan Aktiviti Pasukan Berpakaian Seragam terhadap Pembangunan Sahsiah Pelajar PNS Melalui Pendekatan Model Kirkpatrick" (Norfazila Ahmad & Azilah Anuar)

# PUSAT SUMBER



Visi Unit Pusat Sumber adalah untuk membangunkan koleksi berkualiti serta memberi perkhidmatan dan kemudahan yang efisyen, sistematik dan mesra pelanggan. Misi unit pula ialah sebagai pemangkin ke arah proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan melalui teknologi terkini bagi melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berilmu pengetahuan.

Keahlian Pusat Sumber adalah dibuka kepada semua pelajar dan kakitangan. Keahlian kumulatif sehingga 2019 adalah sebanyak 3,104 ahli. Perkhidmatan pinjaman bahan sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak 1,588 naskah buku. Koleksi bahan rujukan dalam bentuk bercetak seperti buku, jurnal, thesis, majalah dan suratkhabar. Keseluruhan koleksi adalah sebanyak 21,330 naskhah.



Pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2019 iaitu Program Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa di Kuala Lumpur, Program Perkampungan Kelab Sahabat, Program Pameran dan Jualan Buku dan beberapa program dan aktiviti lain

### **Program Riang Ria Cuti Sekolah**

Program dijalankan pada 28.3.2019 (Khamis) pada pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari bertempat di Pusat Sumber PNS. Program memberi pendedahan kepada anak-anak pelbagai usia warga Politeknik Nilai dalam memupuk semangat kerjasama, setiakawan dan muhibbah disamping menyemai minat membaca.



### **Program Perasmian Zon Santai**

Pusat Sumber menawarkan perkhidmatan dan persekitaran yang kondusif buat semua pengguna sejajar dengan perkembangan semasa. Oleh itu, Pusat Sumber telah memberikan nilai tambah dengan menyediakan ruang santai kepada para pelajar bagi memberikan suasana yang lebih ceria. Ruang ini dipenuhi dengan permainan *indoor games* seperti Sahiba, Saidina dan permainan tradisional seperti Batu Seremban, congkak, dam haji dan sebagainya. Perasmian Zon Santai telah dibuat pada 19.12.2019 (Khamis) pada pukul 9.00 hingga 11.00 pagi di PS




# e-PEMBELAJARAN



e-Pembelajaran merupakan satu kaedah memudahkan penyampaian pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang dikendalikan secara atas talian dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Dasar e-pembelajaran Politeknik telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) pada November 2012 dan mula dikuatkuasa perlaksanaan pada sesi Disember 2012. Dasar ini telah menggariskan ketetapan kepada pemimpin akademik, staf akademik dan staf sokongan terhadap pelaksanaan e-pembelajaran sebagai pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P) teradun yang berkualiti, fleksibel dan kolaboratif.

e-Pembelajaran merupakan satu kaedah memudahkan penyampaian pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang dikendalikan secara atas talian dengan menggunakan teknologi

maklumat dan komunikasi. Dasar e-pembelajaran Politeknik telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) pada November 2012 dan mula dikuatkuasa perlaksanaan pada sesi Disember 2012. Dasar ini telah menggariskan ketetapan kepada pemimpin akademik, staf akademik dan staf sokongan terhadap pelaksanaan e-pembelajaran sebagai pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran



## Fungsi Unit e-Pembelajaran:

- Mewujudkan Jawatankuasa e-pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau perlaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan staf dan pelajar politeknik.
- Mewujudkan jawatankuasa kerja e-pembelajaran diperingkat jabatan.
- Menyelaras program latihan untuk staf akademik bagi membangunkan kandungan e-pembelajaran yang berkesan.
- Merancang dan melaksanakan program bagi menambah minat pensyarah melaksanakan e-pembelajaran menggunakan platform CIDOS dengan

## Pertandingan eDOLA2019” dan Majlis Apresiasi eDOLA19

Pertandingan eDOLA2019” dan Majlis Apresiasi eDOLA19 telah berlangsung pada 11 Oktober 2019 (Jumaat) di Bilik TECC, PNS anjuran e-Pembelajaran & Unit Kemahiran Pelajar yang telah mensasarkan penyertaan pelajar dan pensyarah. Pertandingan bermatlamatkan meningkatkan penglibatan para pensyarah dan pelajar secara maksimum dalam pertandingan eDOLA, menerangkan dan mempraktikan konsep *Blended Learning* dalam PdP dan menarik minat pensyarah untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya pemahaman Pensyarah akan lebih ditingkatkan dengan penggunaan teknologi masa kini. Keputusan pertandingan adalah:

**Tempat Ketiga bagi kategori Augmented Reality di bawah Mission Immersive Competition di sertai oleh:**

Nur Assyakirin Mohamed Paid  
Norshazila Senawi  
Ikhmal Hisham Abd Halim  
Norshafiqa Salim

<https://www.youtube.com/watch?v=sHPd0eM6luA>

**Top 10 Mission Immersive Competition bagi kategori interactive video 360 iaitu:**

Azalinda Binti Mat Saad  
Zauyah Binti Azman  
Nor Rahimy bt Khalid  
Siti Raudha Binti Azis

<https://www.youtube.com/watch?v=8-QcgkvP0Cs>

Mohamad Fikree Bin Alias  
Mohd Ghafran Bin Mohamed  
Mohamad Nadzhar Bin Jjom  
Maheran Binti Sulaiman

<https://www.youtube.com/watch?v=EEBUhiLVvU0>

Mohd Khairil Hilmi B Abd Halim  
Nabilah Zafirah Bt Zulkepli  
Fairoz Bt Yaakob  
Norhafizah Bt Suhad

<https://www.youtube.com/watch?v=MO5len1KVXE>

**Top 10 Mission Immersive Competition bagi kategori Augmented Reality dan salah satu dapat top 3 iaitu:**

**Top 3 diwakili oleh:**

Nur Assyakirin Mohamed Paid  
Norshazila Senawi  
Ikhmal Hisham Abd Halim  
Norshafiqa Salim

<https://www.youtube.com/watch?v=sHPd0eM6luA>

**Top 10 di wakili oleh:**

Nur Aliyah Binti Azizi  
Atiqah Binti Mohamad Sani  
Pushpalatha A/P Appanaidu  
Juhaida Binti Hassan

<https://www.youtube.com/watch?v=8kXx--spl8Q>


Program ini diharapkan dapat memupuk pemikiran kritis dan inovatif yang tinggi dalam kalangan Pensyarah dan pelajar di mana ia sangat penting di dalam P&P mereka. Selain itu program ini juga dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan yang juga adalah elemen yang penting di sepanjang P&P mereka di PNS, Negeri Sembilan.



# UNIT PEPERIKSAAN



Unit Peperiksaan dan Penilaian Politeknik Nilai, Negeri Sembilan bertanggungjawab untuk melaksanakan prosedur dan segala urusan berhubung dengan aktiviti peperiksaan. Unit ini diketuai oleh Ketua Unit Peperiksaan dan dibantu oleh seorang Pegawai Peperiksaan dan Penyelaras Peperiksaan Jabatan Akademik. Unit Peperiksaan bertanggungjawab terhadap segala aktiviti berhubung peperiksaan akhir semester di Politeknik Nilai, Negeri Sembilan. Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik Politeknik Nilai, Negeri Sembilan (PNS) bertanggungjawab terhadap segala aktiviti berhubung peperiksaan akhir di politeknik mengikut peruntukan dan garis panduan seperti seperti yang terkandung dalam Buku "Arahan-arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian (Diploma) Edisi 6, Jun 209 yang dikeluarkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian JPPKK.



**Penganjuran Bengkel Penilaian & Pemurnian Item  
Peperiksaan Akhir Diploma DBT, DLH & DBS Sesi Jun  
2019.**


Pada 10 hingga 13 September 2019, Unit Peperiksaan telah menganjurkan Bengkel Pemurniaan Item Peperiksaan sesi Jun 2019 untuk kursus-kursus di Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri dan Jabatan Perdagangan bertempat di Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL). Bengkel ini dihadiri oleh 16 orang pensyarah penggubal, 3 orang penyemak Bahasa, 4 orang panel luar dan 4 orang Ketua Panel. 17 kursus merangkumi program Diploma Bioteknologi (DBT) dan Diploma Lanskap dan Hortikultur (DLH) serta 19 kursus bagi Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) terlibat dalam bengkel ini.

Objektif Bengkel adalah untuk memastikan item yang digubal dan dimurnikan lebih berkualiti dengan set item serta memenuhi Garis Panduan dan Penulisan Kertas Item Peperiksaan Akhir Politeknik . Bengkel ini diharap dapat memenuhi kehendak yang telah diputuskan oleh pihak MQA bagi tujuan pengauditan untuk akreditasi.



**Statistik Graduan Politeknik Nilai**

**STATISTIK GRADUAN POLITEKNIK NILAI BERMULA SESI JUN  
2010 SEHINGGA SESI DISEMBER 2019**



## Konvokesyen 2019

Majlis Konvokesyen merupakan acara tahunan yang bersejarah bagi meraikan kejayaan mahasiswa yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Majlis Konvokesyen 2019 telah diadakan pada 3 dan 4 Ogos 2019 di Dewan Sri Putra, Politeknik Nilai disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohamad Bin Abd. Razak, Presiden Cyberjaya University College of Medical Science. Turut hadir bersama Yang Berusaha En. Mohamad Isa Bin Azhari Pengarah Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti serta Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Majlis Konvokesyen Politeknik Nilai 2019 melibatkan 2 Sidang dan penganugerahan Diploma kepada seramai 389 orang graduan yang terdiri daripada graduan Jabatan Perdagangan (194 orang), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (100 orang) dan Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (95 orang). 3 anugerah khas diberikan kepada graduan cemerlang iaitu Anugerah Pengarah Politeknik Nilai, Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum setiap jabatan dan Anugerah Projek Terbaik. Pentas utama dihias bertemakan 'Edible Landscape'.

Kajian pengesanan graduan '*tracer study*' telah dilaksanakan sebelum majlis Konvokesyen, sistem RFID digunakan bagi melicinkan perjalanan penganugerahan dengan sokongan semua jawatankuasa. Majlis dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti dan acara menarik dibawah seliaan AJK Pesta Konvokesyen dan sidang media diadakan oleh unit Protokol bertujuan untuk mengalakkan budaya kepimpinan dan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Politeknik Nilai.



# JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



Jabatan Hal Ehwal Pelajar diwujudkan untuk menjalankan fungsi politeknik secara khususnya berkaitan Hal Ehwal Pelajar. Jabatan ini bertanggungjawab menguruskan pengambilan pelajar, urusan data pelajar, kebijakan pelajar dan disiplin pelajar. Terdapat beberapa unit di bawah jabatan HEP iaitu Unit Pengurusan Pelajar, Unit Pengurusan Psikologi, Pengurus Asrama, Penyelaras Aktiviti Pelajar, Penyelaras Pengurusan disiplin dan Keselamatan serta Penyelaras pengurusan kebijakan Pelajar.

## **Misi Penghantaran Pulang Pelajar PNS yang Terkandas ke Zon tengah dan Wilayah Utara (COVID-19)**

Misi Penghantaran Pulang Pelajar PNS yang Terkandas ke Zon tengah dan Wilayah Utara (COVID-19) telah berlangsung dengan jayanya pada 10 & 11 November 2020 anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), PNS akibat Pandemik Covic-19. Misi dilaksanakan bagi memastikan pelajar terselamat dari wabak penyakit COVID 19. Parkir Cafe Sri Lawang, PNS telah dijadikan sebagai tempat pelepasan pulang pelajar. Misi melibatkan 11 orang pelajar yang datang lebih awal untuk menyambung tugasan praktikal di Jabatan Akademik namun terkandas di kampus PNS tidak sempat pulang ke kediaman masing-masing. 6 orang pelajar pulang ke kediaman masing-masing dengan kenderaan sendiri. Namun 2 orang pelajar dari zon tengah dan 3 orang dari zon utara dihantar pulang ke kediaman masing-masing dengan menggunakan kenderaan jabatan.



## Misi Bantuan Mahasiswa PNS Terkandas (COVID-19)

Misi telah berlangsung dengan jayanya bermula 23 Mac 2020 kepada kumpulan pelajar yang menetap di luar kampus sekitar PNS yang terkandas tidak sempat untuk pulang ke kampung. Antara bantuan yang disalurkan adalah berupa bahan makanan mentah dan makanan bermasak, pelitup muka dan cecair pencuci tangan (hand sanitizer). Misi bermula dengan mendapatkan data kediaman pelajar, JHEP kemudiannya memantau dan mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar selain menyalurkan bantuan kepada pelajar.



### Aktiviti Kelab Kebudayaan 2019

Bil	Aktiviti
1	Waghih Teater
2	PNS Got Talent
3	Persembahan sempena Pertandingan PIPPO 2019
4	Persembahan Program Puspanita KPM 2019
5	Program Escapism 1.0 & 2.0 2019
6	Program Malam Semarak Merdeka PNS 2019
7	Persembahan Khas Kemerdekaan Peringkat Negeri Sembilan 2019
8	Malam Kebudayaan Islamik sempena Kembara Usahawan Politeknik Malaysia 2019
9	Pertandingan Pengisahan Peringkat N.Sembilan 2019
10	Festival Kebudayaan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia SEWARNA 2019

### Aktiviti Kelab Kebudayaan 2020

Bil	Aktiviti
1	Persembahan Malam Kebudayaan International TVET Research and Conference 2020
2	Persembahan Malam Success Award @ PNS 2020
3	Minggu Citra Seni Budaya PNS 2020

## Pembangunan Insaniah

Berperanan dalam pembangunan aspek kerohanian dan moral pelajar ke arah melahirkan pelajar dan graduan yang holistik melibatkan aktiviti di Pusat Islam dan kesukarelawanan.



**Majlis Perwakilan Pelajar**

## Program Teambuilding ‘Future Leader’ Politeknik Nilai



**Majlis Aspirasi Majlis Perwakilan Pelajar PNS Sesi 19/20**

## Program Bengkel Pelan Strategik Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Nilai 2020



**Pilihanraya Kampus Politeknik Nilai Sesi Disember 2019/Sesi Jun 2020**



**Bantuan Kewangan Pelajar**

<b>Bil</b>	<b>Biasiswa/Pinjaman</b>	<b>Status Bilangan Pelajar</b>
1	Tiada Penajaan	1982
2	Kementerian Pertahanan Malaysia	1
3	Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam	1
4	Kementerian Pengajian Tinggi	1
5	Kuok Foundation	3
6	Majlis Agama Islam Selangor	37
7	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi National	523
8	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka	4
9	SUK Perak dan Yayasan Perak	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2553</b>

# UNIT PSIKOLOGI & KAUNSELING



## Kursus G.R.O.W: Coaching Edisi Pembimbing Rakan Siswa

Program ada peringkat politeknik ini telah dilaksanakan pada 18-20 September 2020 (Jumaat hingga Ahad) dari jam 8.00 Pagi – 10.30 Malam di Batu Buruk Beach Resort. Coaching merupakan kaedah yang sentiasa relevan dengan pembangunan diri mahasiswa dan peluang memberi pendedahan kepada PRSP dalam membangunkan kecemerlangan kepada rakan siswa. Peserta didedahkan teknik dan kaedah melaksanakan coaching dengan cara yang tepat serta mudah. Kursus ini dijalankan selama 3 hari dan para peserta diberi pendedahan berkaitan *coaching, mentoring* dan juga NLP.

Secara umumnya pendekatan *coaching* memberi tumpuan kepada proses pencapaian matlamat dan objektif Amat penting juga, dalam '*coaching*', seorang '*coach*' tidak boleh bercakap lebih banyak daripada '*coachee*'. Ini bermakna, coachee perlu bertindak aktif dalam menyoal dirinya, bagaimana, kenapa, bila dan apa yang perlu dibuat untuk mencapai objektifnya itu. '*Coach*' bertindak sebagai pendengar namun sesekali menyoal kembali tindakan atau perancangan anak buahnya untuk memastikan kelangsungan dalam tindakan. Walaupun ditekankan bahawa '*coach*' tidak perlu bercakap lebih banyak, namun hal yang penting dalam proses ini juga adalah komunikasi dua hala yang harus wujud. Seramai 34 orang telah berjaya ditauliah sebagai "COACH" setelah lulus dalam ujian dan tugas yang diberikan. Peserta layak menggunakan gelaran COACH dalam melaksanakan sesi bimbingan dan latihan dalam kumpulan



## Majlis Success Award @ PNS 2020

Majlis berlangsung pada 22 Januari 2020 di Dewan Sri Putra PNS dianjurkan oleh Unit Pengurusan Psikologi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, PNS bagi pelajar dan staf PNS. Majlis bermatlamatkan:

1. Memberi pengiktirafan dan penghargaan tehadap kejayaan pelajar dalam pengurusan organisasi / aktiviti serta akademik.
2. Memberi kesedaran dan motivasi kepada para siswa dan siswi untuk mengetengahkan potensi masing-masing.
3. Mengembangkan bakat yang ada dalam diri mereka.
4. Melahirkan lebih ramai siswa dan siswi yang berkembang secara holistik dan berdaya saing.



Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad Taufek bin Abdul Ghani. Penerima Anugerah Pengarah: Muhammad Arif Bin Mohd Asri

### Bengkel Depression “Perjuangan Senyap”

Bengkel telah diadakan pada 2 Februari 2020 pada pukul 8.00 am – 5.00 pm di Dewan Seri Putra, PNS bermatlamatkan:

1. Untuk memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan menjaga kesihatan mental.
2. Dapat mendidik peserta untuk mengambil berat terhadap rakan-rakan di sekeliling yang bertingkah luar daripada kebiasaan.
3. Untuk mempersiapkan peserta dalam berhadapan dengan sebarang konflik melalui kemahiran daya tindak.



### Ceramah Kesedaran LGBT (Pelangi Cinta Terlarang)

Ceramah telah diadakan pada 11 Februari 2020 (Slot Lelaki) dan 17 Februari 2020 (Slot Perempuan) pada pukul 8.00–11.00 am di Dewan Kuliah Utama. Ceramah bermatlamatkan:

1. Dapat memberi kesedaran kepada pelajar untuk menjauhi gejala LGBT.
2. Membantu pelajar membina keterampilan diri sebagai seorang pemimpin serta dapat membantu pelajar untuk menonjolkan diri dalam kalangan ramai.
3. Untuk membuka minda generasi muda zaman sekarang terutamanya di kalangan pelajar bahawa pengaruh LGBT adalah sesuatu yang tidak patut dicontohi.
4. Melahirkan generasi yang cakna dan peka terhadap perkembangan sosial yang songsang.




# UNIT PENERBITAN

Unit Penerbitan diwujudkan secara rasmi pada Mei 2020. Fungsi unit ini, merangkumi memudah cara dan menguruskan penerbitan Buku Umum, Buku Ilmiah dan Jurnal Teknikal dan Sains Sosial. Unit Penerbitan mempunyai 5 orang pegawai termasuk Ketua Unit yang mengambil tanggungjawab Ketua Editor, Editor, Editor Teknikal dan Editor Rekabentuk.



CARTA ORGANISASI UNIT PENERBITAN



## Penerbitan Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 9 (Mac), Edisi 10 (Julai) dan Edisi 11 (November)

Unit Penerbitan telah berjaya menerbitkan 3 edisi Jurnal Teknikal dan Sains Sosial (JTSS) sepanjang 2020 iaitu JTSS edisi 9 keluaran Mac 2020 yang mengandungi 9 artikel, JTSS edisi 10 keluaran Julai 2020 yang mengandungi 9 artikel dan JTSS edisi 11 keluaran November 2020 yang mengandungi 11 artikel. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial boleh dicapai di URL <https://jppjtss.wixsite.com/jurnal>.



## Penerbitan Buletin PNS April, Ogos dan Disember

Unit Penerbitan telah Berjaya menerbitkan 3 edisi Buletin sepanjang 2020 iaitu Buletin edisi 1/2020 bagi paparan peristiwa bagi bulan Januari hingga April 2020, Buletin edisi 2/2020 bagi paparan peristiwa bagi bulan Mei hingga Ogos 2020 dan Buletin edisi 3/2020 bagi rangkuman peristiwa bulan September hingga Disember 2020. Buletin boleh dicapai di laman rasmi Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.

## Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan Politeknik Nilai Fasa Pertama dan Kedua

Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan Politeknik Fasa Pertama telah berlangsung pada 27-28 Ogos 2020 di bilik TECC PNS melibatkan 25 peserta yang terdiri daripada Ahli Pengurusan Tertinggi PNS. Bengkel bermatlamatkan melicinkan penyediaan Buku Laporan Tahunan PNS aspek:

- Pemilihan konsep
- Penetapan kandungan, kesesuaian topik, sub topik dan sub-sub topik.
- Pembahagian kumpulan penyediaan bahan beserta ketua kumpulan
- Agihan bilangan mukasurat bagi setiap unit dan jabatan.
- Penerangan panduan penulisan (5W 1H)
- Penerangan cara penyerahan bahan dan pautan di Google Drive
- Memberikan contoh dan *template* penulisan.




Bengkel Penyediaan Laporan Tahunan Politeknik Nilai Fasa kedua pula telah dilaksanakan pada 24-25 September 2020 di Bilik Kuliah 2 ULPL melibatkan 25 orang penulis, pembaca pruf dan editor. Bengkel bermatlamat untuk menyiapkan penyediaan bahan, penyerahan dan diteruskan dengan kerja penerbitan, semakan, *formatting* dan penerbitan.



## Penerbitan Buku Program dan Prosiding PolyCCRise 2019

Unit Penerbitan turut diminta membantu dalam menyediakan buku Program dan Prosiding bagi 4<sup>th</sup> National Research of Intellectual Seminar (PolyCCRise 2019) yang telah berlangsung pada 2 Oktober 2019 di PNS.



## Penerbitan Buku Kompilasi Abstrak ITARC 2020


# UNIT SUKAN



Fungsi utama Pusat Sukan adalah untuk menyokong matlamat politeknik bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing dengan meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skill*) melalui program-program sukan. Dengan itu, Pusat Sukan PNS menjalankan beberapa fungsi utamanya. Antaranya:

Mengelola kejohanan sukan peringkat politeknik, kebangsaan dan antarabangsa.

- Menyediakan atlet bagi sesuatu kejohanan atau pertandingan.
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan sukan serta latihan sukan.
- Menjalankan urusan pentadbiran dan kewangan sukan dengan cekap dan berkesan.
- Mengurus tadbir dan menyediakan kemudahan dan peralatan sukan.
- Merancang penyediaan atlet Sukan Prestasi Tinggi melalui jurulatih bertauliah, latihan berterusan dan sistematik.



## Polytechnic Beach Games 2019

Polytechnic Beach Games 2019 ini berlangsung pada 28-31 Mac 2019 di Politeknik Mersing anjuran Politeknik Mersing dan Majlis Sukan Politeknik. Pasukan PNS dan Politeknik Port Dickson (PPD) telah bergabung bagi membentuk pasukan PNS melibatkan 4 orang pegawai dan 17 orang pelajar. PNS telah dinobatkan sebagai **Johan Keseluruhan Kejohanan** tersebut di mana kemenangan yang telah dicapai oleh pasukan PNS:

- ◆ Bola Jaring Pantai: **Johan**
- ◆ Bola Tampar Pantai (Wanita): **Johan**
- ◆ Bola Baling Pantai: **Johan**
- ◆ Bola Sepak Pantai: **Suku Akhir**



## Karnival Sukan Tempur Politeknik Malaysia 2019

Karnival Sukan Tempur Politeknik Malaysia ini telah berlangsung pada 18-21 Julai 2019 di Dewan Harumanis, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dianjurkan PTSS, Perlis dan Majlis Sukan Politeknik. Karnival ini merupakan pertandingan sukan tempur yang melibatkan 2 jenis sukan iaitu silat dan taekwondo. PNS telah menghantar seramai 28 orang atlet dan 5 orang pegawai ke kejohanan ini. PNS telah dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Kejohanan tersebut dan kemenangan yang telah dicapai oleh pasukan PNS:

- Taekwondo: 7 emas, 1 perak
- Silat: 1 emas, 3 perak, 4 gangsa



## Karnival Sukan Majlis Sukan Politeknik 2019

Karnival sukan peringkat Politeknik Malaysia ini telah diadakan pada 29 April hingga 3 Mei 2019 di Politeknik Ungku Omar (PUO) anjuran PUO dan Majlis Sukan Politeknik. Sebanyak 5 sukan telah dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, sepak takraw, bola tampar dan hoki 9 sebelah. PNS dan PPD telah bergabung bagi membentuk pasukan PNS dan telah mengambil bahagian dalam semua acara sukan yang dipertandingkan. PNS telah merangkul gelaran **Naib Johan Keseluruhan** dan kemenangan yang telah dicapai oleh pasukan PNS:

- Bola Jaring: **Emas**
- Bola Tampar Wanita: **Emas**
- Hoki Wanita: **Emas**
- Hoki Lelaki: **Gangsa**



## Polytechnic Racketlon Championship 2019

*Polytechnic Racketlon Championship* 2019 peringkat Politeknik Malaysia telah diadakan pada 27-31 Mac 2019 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Dungun, Terengganu anjuran PSMZA, Terengganu dan Majlis Sukan Politeknik. Kejohana ini bertujuan untuk mencungkil bakat pelajar Politeknik Malaysia dalam sukan Squasy, Tenis dan Ping pong. PNS dan PPD telah bergabung bagi membentuk pasukan PNS ke kejohanan ini. Pasukan PNS berjaya meraih pingat Perak dalam acara Ping Pong Beregu Lelaki di kejohanan tersebut.



## Kejohanan 14<sup>th</sup> ASEAN Taekwondo Federation (ATP)

Kejohanan peringkat antarabangsa ini telah berlangsung pada 3-6 Mei 2019 di Manila, Filipina. Kejohanan ini adalah pertandingan bagi memilih atlet untuk mewakili negara ke Sukan SEA Manila. Seramai 4 orang atlet PNS telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Keputusan kejohanan tersebut adalah:

- Muhammad Syafiq Bin Zuber: Emas
- Ahmad Nor Iman Hakim Bin Rakib: Emas
- Nur Aqilah Suraya Bt Mohd Suhaimi: Gangsa
- Joshua Amirul Bin Abdullah: Gangsa



## Kejohanan Taekwondo Grand Slam Championship Pre-Qualifying Olympic 2019

Kejohanan ini telah diadakan pada 26-28 April 2019 di Wuxi, China sebagai pra-kelayakan untuk atlet mewakili negara ke Sukan Olimpik. Seramai 2 orang atlet pelajar PNS telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini iaitu Muhammad Syafiq bin Zuber dan Ahmad Nor Iman Hakim Bin Rakib. Sungguhpun tiada pingat yang dimenangi, kejohanan ini memberi banyak pengalaman kepada pelajar tersebut untuk menghadapi kejohanan akan datang.

Kejohanan Universiti Dunia (UNIVERSIADE) ini telah berlangsung pada 4-15 Julai 2019 di Napoli, Itali dan merupakan pertandingan yang menghimpunkan atlet pelajar dari seluruh dunia. Sebanyak 18 acara sukan dipertandingkan dalam kejohanan ini. Seramai 2 orang atlet PNS telah terpilih mewakili pasukan taekwondo negara ke kejohanan ini. Meraka berjaya memenangi pingat **Gangsa** dalam acara *team sparring*. Pelajar tersebut adalah:

- Muhammad Syafiq Bin Zuber
- Ahmad Nor Iman Hakim Bin Rakib



## SEA Games 2019

Sukan SEA merupakan acara sukan terbesar di peringkat Asia Tenggara telah diadakan pada 30 November hingga 11 Disember 2019 di Manila, Filipina. Pada Sukan SEA edisi ke-19, seramai 5 orang pelajar PNS telah terpilih mewakili negara dalam 2 acara sukan iaitu hoki dewan dan taekwondo. Kejayaan yang telah dicapai oleh atlet pelajar PNS:

- Hoki Dewan: Qasidah Najwa bt Muhd Halimi: **Emas**
- Taekwondo:
  - Ahmad Nor Iman Hakim Bin Rakib: **Perak**
  - Joshua Amirul Bin Abdullah: **Perak**
  - Muhammad Syafiq Bin Zuber: **Gangsa**
  - Nur Aqilah Suraya Bt Mohd Suhaimi: **Gangsa**



## Kejohanan Bola Jaring Remaja Asia

Kejohanan Bola Jaring Remaja Asia telah diadakan pada 29 Jun hingga 7 Julai 2019 di Kashima, Jepun merupakan kejohanan bola jaring yang disertai sebanyak 11 negara termasuk Malaysia. Salah seorang pemain negara merupakan pelajar PNS iaitu Nordiyannah Binti Noorsabadiene. Pasukan negara telah berjaya merangkul pingat **emas** dalam kejohanan ini.



## Kejohanan Liga Sofbol Premier 2020

Kejohanan ini telah berlangsung pada 4-7 Mac 2020 di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Johor anjuran PIS, Johor dan Majlis Sukan Politeknik, merupakan kejohanan di peringkat Politeknik Malaysia yang bertujuan mencungkil bakat pelajar dalam sukan sofbol dan memberi pendedahan kepada pelajar kepada pertandingan ini. PNS telah bergabung dengan PPD bagi membentuk pasukan PNS. Pasukan PNS telah berjaya memperolehi **2 emas** melalui kategori lelaki dan wanita. Seramai 3 orang pelajar PNS terpilih mewakili pasukan ini iaitu:

- Nur Athirah Binti Azlan
- Nur Aliah Nazihah Binti Mohd Takhiyuddin
- Muhammad Haziq Bin Rozlan



### **Kejohanan Olahraga MSP 2020**

Kejohanan di peringkat Politeknik Malaysia ini telah berlangsung pada 13 hingga 18 Februari 2020 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak anjuran Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS) dan Majlis Sukan Politeknik. PNS dan PPD telah bergabung bagi membentuk pasukan Politeknik Negeri Sembilan. Pingat yang berjaya dicapai oleh atlet PNS:

- Muhammad Imran Bin Muhammad Nadzin (Lompat Tinggi: Perak)
- Syazwani Bt Zainal (5000m Jalan Kaki: Perak)
- Shamma Raj Kumar a/l Nagarajan (400 m Lelaki: Gangsa)
- Norazrina Airin bt Abd Mutualib (Merejam Lembing Wanita: Gangsa)



### **Women League 2020 & Piala Vivian May Soars 2020**

Kejohanan Hoki peringkat kebangsaan ini berlangsung pada 12 Jan hingga 23 Feb 2020 di Stadium Hoki Bukit Jalil merupakan anjuran Malaysia Hockey League. Seorang pelajar PNS iaitu Qasidah Najwa bt Muhamad Halimi telah terpilih mewakili kelab ke kejohanan tersebut. Kejayaan beliau di kejohanan ini adalah:

- Women League 2020: Emas
- Piala Vivian May Soars 2020: Perak

### **Kejohanan Silat Taming Sari 10 UKM dan Jemputan Antarabangsa 2020**

Kejohanan peringkat antarabangsa ini berlangsung pada 19-23 Februari 2020 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) anjuran UKM. PNS telah menghantar seramai 11 orang pelajar dan seorang pegawai ke kejohanan ini. **Pencapaian** pasukan PNS:

- Anis Suraya bt Mohammed Shamlan Gangsa



### **11<sup>th</sup> TM (WTF) NSC-Milo National Taekwondo Championship 2020**

Kejohanan peringkat kebangsaan ini telah berlangsung pada 4–16 Februari 2020 di Arena Indoor Stadium, Wisma OCM, K. Lumpur anjuran bersama Taekwondo Malaysia dan Majlis Sukan Negara. Seramai 6 orang pelajar PNS telah mengambil bahagian. Keputusan pelajar tersebut:

- Muhammad Syafiq Bin Zuber: Emas
- Nur Putra Danial Azlan bin Noor Azlan: Emas
- Nur Aqilah Suraya Bt Mohd Suhaimi: Emas
- Joshua Amirul Bin Abdullah: Perak
- Ahmad Nor Iman Hakim Bin Rakib: Gangsa
- Qamarul Azim Bin Suhaimi: Gangsa



## Polytechnic Sports Excellence Award (PolySEA) 2019

*Polytechnic Sports Excellence Award (PolySEA) 2019* telah berlangsung pada 21 September 2020 di The Everly Putrajaya merupakan program anugerah sukan kepada atlet pelajar Politeknik Malaysia anjuran bersama PNS dan Majlis Sukan Politeknik. Seramai kira-kira 200 orang tetamu telah menghadiri majlis ini yang telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub. PNS telah berjaya merangkul 3 anugerah iaitu:

Olahragawan: Ahmad Nor Iman Hakim bin Rakib

Atlet Wanita Harapan: Qasidah Najwa bt Muhd Halimi

Politeknik Negeri Terbaik: PNS



### 3<sup>rd</sup> Hobin Games

Karnival sukan ini adalah kejohanan sukan dalaman untuk pelajar dan kakitangan ini telah berlangsung pada 31 Julai hingga 20 September 2019 di PNS. Karnival ini dianjurkan oleh Pusat Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan PNS bagi mengenalpasti bakat sukan dalam kalangan pelajar PNS. Karnival ini, ia juga medan untuk pelajar dan kakitangan menjalin kerjasama yang erat antara satu sama lain. Sebanyak 11 acara sukan telah dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, bola tampar (lelaki dan wanita), badminton (berpasukan), ping pong (berpasukan), petanque (lelaki dan wanita), futsal (lelaki dan wanita), sepak takraw, karom, dart dan e-sport. Keputusan karnival sukan ini

Kategori pelajar

(Pemenang keseluruhan: JP)

Kategori staf

(Pemenang keseluruhan: Admin)

Jabatan	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
JP	9	11	8	28
JKM	5	7	5	17
JAB	5	1	6	12

Jabatan	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
Admin	6	7	2	15
JAB	5	2	6	13
JKM	4	6	3	13



# UNIT LATIHAN INDUSTRI



berpasukan, mematuhi polisi-polisi, prosedur dan peraturan-peraturan, meningkatkan perspektif profesional pelajar serta membuat pelaporan.


UPLI adalah salah satu unit dalam organisasi PNS yang bertanggungjawab untuk menguruskan proses berkaitan latihan industri pelajar dan menjadi pencetus

kepada kolaborasi antara PNS dengan pihak industri. Latihan Industri merupakan satu komponen utama dalam kurikulum pembelajaran di politeknik. Pelajar disyaratkan lulus latihan industri sebelum diperakukan untuk penganugerahan Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pelajar akan menjalani Latihan Industri selama 20 minggu di jabatan kerajaan, badan berkanun atau swasta. Latihan Industri ini dapat memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dari segi perkembangan teknologi, berkomunikasi secara berkesan, mengamalkan kerja

Fungsi utama UPLI iaitu:

- Merancang dan menyelaras semua aktiviti latihan industri yang perlu diikuti oleh pelajar meliputi persediaan sebelum menjalani latihan industri, semasa menjalani latihan industri dan selepas menjalani latihan industri.
- Menyelaras penyeliaan pelajar latihan industri oleh pegawai/pensyarah pemantau yang dilantik ke organisasi yang terlibat
- Menyelaras proses penilaian latihan industri setelah pelajar tamat menjalani latihan industri.

## Carta Organisasi Unit Perhubungan & Latihan Industri



## Green Berets MCIS Insurance

Program *Green Berets* merupakan satu program taklimat dan temuduga pelajar yang akan menjalani latihan industri pada sesi Jun 2019 serta Alumni PNS bagi membina kerjaya di MCIS Insurance-Yusdi Agency. Program ini adalah anjuran Bersama MCIS Insurance, Yusdi Agency, Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI), PNS & CISEC-Alumni PNS di Armada Hotel, Petaling Jaya. Ucaptama *Program The Green Berets* disampaikan oleh Ketua Pegawai Pelaburan MCIS Insurance Berhad En.

Wan Mohd Fakruddin, disusuli taklimat Jelajah Meditasi Minda disampaikan oleh En Eddie Amin Malik, taklimat Motivasi Usahawan 2.0 disampaikan oleh En. Mohd Yusdi Yusof, manakala pembentangan Usahawan 2.0 oleh Pengurus Pembangunan Perniagaan, En Hirman Sharifuddin. Program ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar menjalani latihan industri di syarikat tersebut seterusnya dapat membina kerjaya di MCIS Insurance- Yusdi Agency.



Program diakhiri dengan Tayangan Video serta Hi-Tea. Program ini dapat membantu memenuhi kadar kebolehpasaran graduan Politeknik Nilai. Seramai 10 orang pelajar Jabatan Perdagangan dalam program DEC & DRM menyertai program tersebut. Antara agenda penting yang dilaksanakan dalam program ini adalah mewujudkan hubungan kerjasama yang aktif dalam menempatkan pelajar latihan industri serta Alumni PNS bagi mencapai matlamat PPPM (PT) menyediakan pendidikan tinggi TVET yang utama serta meningkatkan kemahiran untuk memenuhi permintaan industri dan menambah peluang untuk kemajuan kerjaya pelajar PNS.

### **Majlis Penutup & Penyampaian Sijil Tamat Latihan Industri (LI) Kohort 6 Structured Internship Programme (SIP) Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd (PIDMY)**

Majlis anjuran bersama Bahagian Hubungan Industri (BHI) JPPKK, Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd (PIDMY), Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI), PSAS, PNS, PBS & POLIMAS ini telah berlangsung dengan jayanya pada 3 Mei 2019 di Intekma Resort, Shah Alam. Majlis ini merupakan salah satu aktiviti dibawah program *SIP* bagi meraikan pelajar-pelajar yang telah berjaya menamatkan LI bagi Sesi Disember 2018 di PIDMY. Seramai 5 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), PNS telah berjaya menamatkan LI di PIDMY dan telah diserap kerja di PIDMY. Majlis diteruskan dengan perkongsian pengalaman pelajar berkenaan program SIP dalam menjalani LI di PIDMY serta jamuan minum petang (*Hi-Tea*) sekaligus meningkatkan kerjasama dan kolaborasi yang berterusan diantara pihak PIDMY, JPPKK dan Politeknik. Pelajar juga mendapat pengalaman dan pendedahan dalam menguruskan majlis *Hi-Tea*, meningkatkan kemahiran *softskill* serta keyakinan diri pelajar dalam pengurusan majlis.



Program telah dilaksanakan dengan jayanya pada 19 Mac 2019 anjuran bersama Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) dan CISEC bertempat di DKU, PNS (Taklimat) dan Pusat Sumber PNS (Temuduga). Program bermatlamat memberi peluang kepada pelajar PNS membuat pencarian penempatan bagi menjalani Latihan industri (LI) dan peluang kerjaya, pendedahan dan pengalaman menghadapi temuduga, peluang melanjutkan pelajaran ke Institut pengajian tinggi serta membangunkan konsep kepimpinan jati diri, nilai kemasyarakatan supaya dapat melahirkan modal insan yang lebih berketrampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan.

Antara syarikat yang terlibat adalah Syarikat Transair Academy International Sdn Bhd (Dato' Sri Dr Muhamad Rosli Che Wan), Asean Development Corporation (Dato Seri Donnie Too), Ecoworld (En Kenny Chin Chau Choong), Kellogg Asia Products Sdn Bhd (En Saiful Mazuary), Stesen Minyak Petronas Seksyen 20 Shah Alam (En Khairul Anuar), My Hero Hypermarket Sdn Bhd (Puan Tan Lay Lan), CTRM Aero Composite Sdn Bhd, Darul Sufi (En Husainy bin Mohd Ali), Legacy Group Prudential BSN (En Mohd Nor Azraf bin Aziz), Macoob.com, En Afiq (Alumni PNS), Sabiha Wealth Management dan Nilai Universiti.

Program ini memberikan peluang kepada pelajar menimba pengalaman ditemuduga pihak industri, meningkatkan pengetahuan melalui perkongsian ilmu serta pendedahan peluang melanjutkan pelajaran selain mendapat tempat untuk menjalani LI. PNS dapat meningkatkan rangkaian kolaborasi, peluang Sangkutan Industri Pensyarah, memenuhi KPI Pensyarah Pelawat Industri (PPI) serta kebolehpasaran graduan.



#### **Lawatan ke Panasonic Appliances Foundry Malaysia Sdn. Bhd (PAPFMY), Melaka di Bawah Structured Internship Program (SIP) di Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn. Bhd (PIDMY)**

Lawatan berlangsung pada 30 April 2019 anjuran bersama PIDMY, BHI JPPKK, UPLI PSAS, UPLI PNS & UPLI PBS bertempat di Panasonic Appliances Foundry Malaysia Sdn Bhd (PAPFMY), Melaka. Lawatan bermatlamat memberi peluang kepada pelajar menimba pengalaman, pendedahan dan pengetahuan yang luas mengenai industri, mengeratkan hubungan silaturahim antara PNS, Politeknik Malaysia serta Pihak Panasonic dalam menjalin kolaborasi bersama secara berterusan. Lawatan telah memberikan pendedahan kepada pelajar berkeraaan dengan konsep kepimpinan, jati diri, nilai kemasyarakatan supaya melahirkan modal insan yang lebih berketrampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam alam pekerjaan yang sebenar.

Aktiviti lawatan ini merupakan salah satu pengisian aktiviti di bawah Program *Structured Internship* program bersama PIDMY. Seramai 6 orang pelajar PNS telah menjalani latihan industri di PIDMY dan diberi ruang dan peluang bagi melihat sendiri proses tuangan besi bagi menghasilkan komponen automotif dan *compressor* di PAPFMY. Melalui pengalaman ini, Pelajar mendapat pendedahan mengenai peralatan dan teknologi yang digunakan oleh pihak industri, meningkatkan tahap kemahiran komunikasi, keyakinan diri, serta pelajar dapat pendedahan di antara teori yang dipelajari di institusi dengan aplikasi teori di industri. Lawatan ini mewujudkan jaringan hubungan kolaborasi di antara institusi dengan industri, memperkenalkan PNS kepada pihak industri mengenai program yang diadakan dan juga mempromosikan pelajar PNS serta memberikan pengetahuan kepada pensyarah terhadap teknologi terkini ditambah baik dan boleh digunakan dalam aktiviti P&P pada masa yang akan datang.



### **Maybank Internship Programme Kohort ke 3 bagi Pelajar yang akan Menjalani Latihan Industri (LI) Sesi Disember 2019**

Program telah berlangsung dengan jayanya pada 8 dan 9 Ogos 2019 di DKU, PNS (*Engagement*) dan di Pusat Sumber PNS (Temuduga). Program ini adalah anjuran Bersama Bahagian Kurikulum JPPKK, Bahagian Instruksional Pembangunan Digital (BIPD), Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) dan Jabatan Perdagangan (JP)-DIB. *Maybank Internship Programme* kohort 3 adalah satu program *engagement* dan temuduga pelajar yang akan menjalani latihan industri pada Sesi Disember 2019. Dilaksanakan bagi memberi ruang dan peluang kepada pelajar menjalani latihan industri di Maybank dan seterusnya dalam membina kerjaya di Maybank sekaligus memenuhi kadar kebolehpasaran graduan. Seramai 60 pelajar telah dipilih oleh pihak Maybank bagi menghadiri sesi temuduga, dan seramai 5 orang pelajar telah berjaya dipilih bagi menjalani latihan industri di cawangan-cawangan maybank. Program ini telah mewujudkan hubungan kerjasama yang aktif dalam menempatkan pelajar latihan industri secara konsisten dan berterusan bagi mencapai matlamat PPPM (PT) dalam menyediakan pendidikan tinggi TVET yang utama bagi meningkatkan kemahiran untuk memenuhi permintaan industri dan menambah peluang untuk kemajuan kerjaya pelajar PNS



### **Majlis Penutup & Penyampaian Sijil Tamat Latihan Industri (LI) Kohort 7 Sesi Jun 2019 Structured Internship Programme (SIP) Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd (PIDMY)**

Majlis anjuran bersama Bahagian Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK) JPPKK, Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd (PIDMY) Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI), PSAS, PNS, PBS & POLIMAS ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 8 November 2019 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. Majlis ini merupakan salah satu aktiviti di bawah program *SIP* bagi meraikan pelajar-pelajar yang telah berjaya menamatkan LI bagi Sesi Jun 2019 di PIDMY. Seramai 6 pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), PNS telah jaya menamatkan Latihan Industri di PIDMY. Majlis ini dirasmikan oleh Encik Zulkifli bin Selamat, Deputy Managing Director Panasonic Industrial Devices Malaysia Sdn Bhd. Majlis diteruskan dengan perkongsian pengalaman pelajar berkenaan program SIP dalam menjalani LI di PIDMY serta jamuan minum petang (*Hi-Tea*). Majlis juga telah meningkatkan kerjasama dan kolaborasi yang berterusan di antara pihak PIDMY, JPPKK dan Politeknik. Pelajar dapat pengalaman dan pendedahan menguruskan majlis *Hi-Tea*, meningkatkan kemahiran *softskill* serta keyakinan diri pelajar dalam





### **Maybank Internship Programme Kohort ke 4 Persediaan Menjalani Latihan Industri (LI) Sesi Jun 2020**



Program berlangsung pada 20 & 21 Januari 2020 anjuran bersama Bahagian Kurikulum JPPKK, Bahagian Instruksional Pembangunan Digital (BIPD), Unit Perhubungan & Latihan Industri (UPLI) dan Jabatan Perdagangan (JP). Program dilaksanakan di DKU, PNS (*Engagement* – 156 pelajar) dan Pusat Sumber, PNS (Temuduga – 35 pelajar) bagi persediaan pelajar semester 5 (DIB, DBS dan DLS) yang akan menjalani LI pada sesi Jun 2020. 9 orang pelajar telah dipilih menjalani LI di Maybank dan seterusnya membina kerjaya di Maybank (kebolehpasaran graduan).

Program LI berstruktur ini telah mewujudkan hubungan kerjasama yang aktif dan strategik dengan industri, memberikan pengalaman temuduga sebenar, membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi pelajar dengan realiti dunia pekerjaan serta peluang menjalani LI di cawangan Maybank di luar negara. Program ini membantu PNS memenuhi KPI 20, JPPKK iaitu bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi yang berimpak tinggi dengan institusi dan menyediakan laluan kepada pensyarah untuk menjalani Sangkutan Industri Pensyarah (SIP). Pihak Maybank dapat memenuhi keperluan sumber manusia, mengurangkan kos pengambilan pekerja dan mengilap potensi pelajar untuk diserap sebagai pekerja Maybank.

### **Temuduga Latihan Industri (LI) di Top Glove Sdn Bhd**

Sesi taklimat dan temuduga melibatkan pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) yang menjalani LI pada Sesi Jun 2020 telah berlangsung pada 3 Februari 2020 di Top Glove Tower Sdn. Bhd. di Shah Alam, Selangor. Pelajar juga telah dibawa melawat sekitar syarikat dan ini memberi pendedahan serta pengalaman kepada pelajar dalam menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar. Program ini turut disertai oleh pelajar dari Politeknik Banting (PBS). Seramai 9 org pelajar telah terpilih menjalani LI di Syarikat Top Glove Sdn. Bhd. dan seterusnya membina kerjaya di Syarikat Top Glove Sdn. Bhd (kebolehpasaran graduan).

Program LI berstruktur ini telah mewujudkan hubungan kerjasama yang aktif dan strategik dengan industri, memberikan pengalaman temuduga sebenar, membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi pelajar dengan realiti dunia pekerjaan serta pengalaman langsung melalui aktiviti lawatan ilmiah. Program ini juga membantu PNS memenuhi KPI 20, JPPKK iaitu bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi yang berimpak tinggi dengan institusi dan menyediakan laluan kepada pensyarah untuk menjalani Sangkutan Industri Pensyarah (SIP). Pihak Syarikat Top Glove Sdn. Bhd juga dapat memenuhi keperluan sumber manusia, mengurangkan kos pengambilan pekerja dan mengilap potensi pelajar untuk diserap sebagai pekerja Maybank.



# COLLABORATION, INDUSTRIAL SERVICES AND EMPLOYMENT CENTRE (CISEC)

*Collaboration, Industrial Services and Employment Centre (CISEC) ditubuhkan dengan empat (4) teras utama iaitu kajian pengesanan graduan dan alumni, khidmat penasihat kerjaya dan pendidikan lanjutan, perancangan dan persediaan ke alam pekerjaan, serta perhubungan industri dan penempatan.*



## Fungsi dan Peranan Unit CISEC:

- Memudahkan jaringan dan kolaborasi di antara Politeknik dengan Industri.
- Menyediakan perkhidmatan dan maklum balas terhadap keperluan industri terutama yang melibatkan kolaborasi dan penempatan kerja graduan.
- Meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik.
- Meningkatkan kadar bekerja graduan politeknik.
- Menyediakan khidmat penasihat kerjaya, perancangan dan persediaan graduan ke alam pekerjaan.



BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	PESERTA
1.	30/01/2019	Majlis menandatangani <i>Certificate of Collaboration (COC)</i> di antara Politeknik Nilai dan Majalengka University, Indonesia.		
2.	5/03/2019	Majlis menandatangani COC di antara Politeknik Nilai dan Universiti Nilai	Universiti Nilai	
3.	19/03/2019	<i>Internship &amp; Career Program (I- CARE)</i>  Program ini dijayakan oleh CISEC hasil kolaborasi bersama pihak industri dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).	DKU dan Pusat Sumber	Pelajar semester 5 dan 6 Sesi Disember 2018
4.	31/07/2019	Majlis menandatangani COC di antara:  1. PNS dan Jitu Tayar & Autoservis 2. PNS dan Oriseeds Sdn Bhd 3. PNS dan MCIS Insurance Berhad (MCIS) 4. PNS dan My Hero Hypermaket Sdn Bhd 5. PNS dan Pertubuhan Pengawal Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Malaysia (MOSHPA) 6. PNS dan Malaysian Institute of Purchasing and Materials Management (MIPMM) 7. PNS dan Pro Online Sdn Bhd 8. PNS dan Hashim Design & Associates Sdn Bhd 9. PNS dan International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) 10. PNS dan Zull Design Autotronic 11. PNS dan QL Maxincome Sdn. Bhd. 12. PNS dan Home Products Center (Malaysia) Sdn Bhd (HomePro) 13. PNS dan I Synergy International (M) Sdn.Bhd 14. PNS dan DGM Support (M) Sdn Bhd 15. PNS dan Total Express & Agency 16. PNS dan FB Training & Consultants PLT"		
5.	25-26/ 09/2019	<i>Internship &amp; Career Program (I-CARE 2.0)</i>  Program CISEC bersama dengan kerjasama bersama pihak industri, IPTS, <i>Malaysian Crime Prevention Foundation</i> dan Unit Bahasa Inggeris.	Dewan Sri Putra PNS	Pelajar semester 5 dan 6 Sesi Jun 2019

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
1.	13 Februari 2020	Majlis Menandatangani Certificate of Collaboration (COC) PNS dan Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan.	Politeknik Nilai
2.	24 Februari 2020	Majlis Menandatangani Certificate of Collaboration (COC) PNS dan Malaysian Association of Retail Management (MARM)	Universiti Nilai
3.	5 Mac 2020	Majlis Menandatangani Certificate of Collaboration (COC) PNS dan Kolej Vokasional Ampangan	Politeknik Nilai
4.	23 Julai 2020	Majlis Menandatangani Certificate of Collaboration (COC) PNS dan Malaysia University of Science and Technology (MUST)	MUST

### **"Internship & Career Program (I- CARE)"**

Program *Internship & Career Programme* (I-Care) yang dianjurkan oleh CISEC dengan kerjasama Unit Perhubungan Latihan Industri, Jabatan Pendidikan Politeknik, merupakan sebuah program yang antara lain bertujuan mendekatkan para pelajar Semester 5 kepada industri sebagai persediaan menjalani latihan industri pada semester akhir. Sesi temu duga oleh pihak industri telah diadakan bagi pemilihan pelajar untuk menjalani latihan industri. Program ini secara tidak langsung telah memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar dalam sesi temu duga, di samping mendapatkan maklumat berkaitan kerjaya dan peluang-peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.



### ***Internship & Career Programme (I- CARE 2.0)***

Susulan daripada Program I-Care, CISEC dengan kerjasama Unit Perhubungan Latihan Industri, JPP juga telah mengadakan *Internship & Career Programme 2.0* (I-Care 2.0) melibatkan penyertaan pelajar Semester 5 dan Semester 6 Sesi Jun 2019. Program memberi maklumat peluang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi, di samping mengikuti sesi taklimat dan temu duga untuk penempatan latihan industri. Antara pengisian dalam program ini adalah Seminar "Job Hunting Skill" yang dijalankan dengan kerjasama Unit Bahasa Inggeris.



Dalam seminar ini pelajar diberi pendedahan secara langsung dengan sesi temu duga yang dijalankan oleh firma-firma bagi penempatan latihan industri, seterusnya membuka peluang kerjaya kepada pelajar setelah tamat menjalani latihan industri. Pelajar-pelajar juga dapat mempelajari teknik menjawab soalan temu duga, penyediaan resume dan 'cover letter'. Selain itu, Ceramah Anti-Jenayah oleh pegawai polis Trafik Cawangan Nilai dan Ceramah Kesedaran Anti-Jenayah oleh YBhg. Datuk Hj. Fadzil Bin Abu Bakar dari 'Malaysian Crime Prevention



**Status pekerjaan graduan mengikut peringkat pengajian PNS 2019**

**Jumlah Graduan: 661 orang | Kadar Respons: 94.3 % | GE: 98.56%**

Ijazah Dianugerahkan	Status Pekerjaan								Jumlah Graduan	
	Bekerja		Melanjutkan pengajian		Menunggu penempatan pekerjaan		Belum bekerja			
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
Diploma Bioteknologi	41	64.06	23	35.94	-	-	-	-	64	
Diploma Hortikultur Landskap	60	93.75	4	6.25	-	-	-	-	64	
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	61	70.93	22	25.58	-	-	3	3.49	86	
Diploma Kejuruteraan Mekatronik	52	81.25	8	12.50	2	3.13	2	3.13	64	
Diploma Kewangan Dan Perbankan Islam	74	83.15	13	14.61	1	1.12	1	1.12	89	
Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang)	71	94.67	2	2.67	1	1.33	1	1.33	75	
Diploma Pengurusan Logistik Dan Rangkaian Bekalan	88	83.02	16	15.09	1	0.94	1	0.94	106	
Diploma Pengurusan Peruncitan	67	89.33	6	8.00	1	1.33	1	1.33	75	
Jumlah	514	82.50	94	15.09	6	0.96	9	1.44	623	

**Status Pekerjaan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian PNS 2020**

**Jumlah Graduan: 788 orang | Kadar Respons: 95.30 % | GE: 98.1%**

Ijazah Dianugerahkan/ Penganugerahan	Status Pekerjaan										Jumlah	
	Bekerja		Melanjutkan pengajian		Meningkatkan kemahiran		Menunggu penempatan pekerjaan		Belum bekerja			
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
Diploma Bioteknologi	46	54.76	31	36.90	-	-	3	3.57	4	4.76	84	
Diploma Hortikultur Landskap	100	82.64	15	12.40	4	3.31	1	0.83	1	0.83	121	
Diploma Kejuruteraan Mekanikal	109	64.88	59	35.12	-	-	-	-	-	-	168	
Diploma Kejuruteraan Mekatronik	32	61.54	16	30.77	-	-	4	7.69	-	-	52	
Diploma Kewangan Dan Perbankan Islam	77	84.62	6	6.59	-	-	7	7.69	1	1.10	91	
Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang)	55	68.75	11	13.75	-	-	11	13.75	3	3.75	80	
Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian	66	78.57	5	5.95	-	-	9	10.71	4	4.76	84	
Diploma Pengurusan Peruncitan	57	80.28	9	12.68	-	-	4	5.63	1	1.41	71	
Jumlah	542	72.17	152	20.24	4	0.53	39	5.19	14	1.86	751	

## Jawatankuasa Penasihat Industri

Bil	Nama	Syarikat/Agenzi	Bidang Kepakaran
1	Tuan Haji Razli bin Ramli	Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM)	Perbankan Islam
2	Wan Kamarudin bin Wan Zakaria	DGM Support (M) Sdn. Bhd	Logistik
3	Ybhg. Dato' Ts. Abdul Razak bin Abd Malek	Cilt International	Logistik
4	Teh Ah Hock	Home Products Center (Malaysia) Sdn. Bhd (Homepro)	Peruncitan
5	Ybrs. Dr. Mohd Nizam bin Abdul Kadir	Lucrative Base Group of Companies	Peruncitan
6	N.M. Thangaraj	Malaysia Association of Retail Management (MARM)	Peruncitan
7	Chuang Boon Hua	Fusionex International	Sistem Maklumat Perniagaan
8	Mohd Fadzil Badarul Hisyam	Codework Studio	Sistem Maklumat Perniagaan
9	Ybhg. Dato' Seri James Wong	Pro Online Sdn. Bhd	Perdagangan
10	Lar. Fariza Firdaus binti Mohd Salleh	Raintree Arborist Sdn. Bhd.	Arborist
11	Hardi Raimee bin A. Bakar	Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd	Bioteknologi
12	Prof. Madya Lar. Dr. Suhardi bin Maulan	Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM)	Landskap
13	Lar. Hashim bin Gombri	Hashim Design & Associates Sdn. Bhd	Landskap
14	Ybrs. Dr. Anis Syahirah binti Mokhtar	Universiti Putra Malaysia	Landskap
15	Haslina binti Sahak	Flora Kraft	Floristry
16	Ybhg. Dato' Dr. Kanagaraja Raman	Pertubuhan Pengawal Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Malaysia (MOSHPA)	Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
17	Nasrizal bin Mohd Noor	Timur Automation Engineering Sdn Bhd	Automasi
18	Muhamad Sabri bin Othman	USS Engineering & Trading	Pemesinan, Reka Bentuk, Penghasilan Produk & Pendawaian

# PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) di PNS adalah berasal daripada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan. PPI telah dinaik tarafkan di PNS dan Unit keusahawanan telah dikeluarkan daripada pusat ini atas dasar untuk memfokuskan, memperkasakan, membudayakan dan melestarikan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pensyarah. Hal ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan bidang penyelidikan dan inovasi suatu yang selari dengan kehendak revolusi industri 4.0.

Di bawah PPI, terdapat empat unit utama yang menjalankan fungsi masing-masing dalam mengembangkan dan membudayakan aktiviti penyelidikan dan inovasi di PNS. Setiap unit ini juga diketuai oleh seorang ketua unit dan ia terdiri daripada Unit Pembangunan Penyelidikan, Unit Pembangunan Inovasi, Unit Pameran & Pertandingan dan yang terakhir adalah Unit Pengkormesialan & Harta Intelek. Kesemua unit ini sentiasa bergerak bersama dan seiring dalam menatihahkan kewujudan dan pembudayaan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan warga PNS sama ada pensyarah mahupun pelajar. Setiap unit juga mempunyai peranan masing-masing dalam memastikan KPI yang ditetapkan oleh JPPKK dicapai setiap tahun.



## PUSAT PENYELIDIKAN & INOVASI (PPI) POLITEKNIK NILAI

PENGARAH
LT. KOL. BERSEKUTU (PA) HAJI NAZRI BIN IDRIS
TIMBALAN PENGARAH PENYELIDIKAN & JARINGAN INDUSTRI
DR. ISDAWATI BINTI ISMAIL

### KETUA PUSAT

Ts. DR. MOHD RIDHUAN BIN MOHD JAMIL

UNIT PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN
<b>KETUA:</b> LAr. DR FARAH DIBA BINTI BADRUL HISHAM (JAB)
<b>AHLI:</b> • PN. NUR HAZEEN BINTI BASHAH (JPA) • Ts. DR. MOHD RIDHUAN BIN MOHD JAMIL (JKM)

UNIT PEMBANGUNAN INOVASI
<b>KETUA:</b> EN. IZHAM EFFENDY BIN ISMAIL (JKM)
<b>AHLI:</b> • CA. MOHD KHAIRIL HILMI BIN ABD HALIM (JAB) • PN. ZAUyah BINTI AZMAN (JP)

UNIT PERTANDINGAN & PAMERAN
<b>KETUA:</b> EN. AHMAD YAZID BIN RAHMAN


UNIT PENGKOMERSILAN & HARTA INTELEK
<b>KETUA:</b> DR. NOR RAHIMY BINTI KHALID

MEMBUDAYAKAN DAN MELESTARIKAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Kolokium PNS 2019	21 Mei 2019
2	Seminar Kebangsaan PolyCCRISe 2019	2 Oktober 2019
3	Asian Youth Innovation Awards & Expo 2019 Malaysia Technology Expo 2019	21-23 Februari 2019
4	PRIDE 6.0	15 Oktober 2019
5	Kursus Pembudayaan Penyelidikan	10 April 2019
6.	Kolobrasi Penyelidikan Bersama Politeknik Medan, Indonesia	30 Oktober 2019

## Geran Penyelidikan

Pembudayaan penyelidikan sering menjadi suatu matlamat utama PPI dalam membantu para akademia menghasilkan suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang terbaik bersama para pelajar. Maka bagi tahun 2019, terdapat satu geran penyelidikan yang telah disertai oleh pensyarah PNS sebagai penyelidik jemputan bersama dengan kumpulan penyelidik daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diketuai oleh Prof Madya Dr Mariam Abdul Majid. Nilai geran yang terlibat adalah sebanyak RM68600.00. Antara output yang telah terhasil adalah berbentuk kertas penyelidikan dan model rujukan yang telah dipatenkan.



## Pengkomersialan & Harta Intelek

Pengkomersialan dan harta intelek adalah usaha melindungi hasil kreativiti dan ciptaan yang lahir daripada daya intelektual atau minda seseorang terutama warga pendidik. Bidang harta intelek sebagai satu bentuk sumber kekayaan baru negara Malaysia, selaras dengan saranan Perdana Menteri untuk membudayakan usaha ini. Unit ini berperanan menyelaras dan merancang aktiviti pengkomersialan dan harta intelek warga pendidik Politeknik Nilai. Satu produk A Grinding Jig telah berjaya mendapat dana harta intelek bagi tahun 2019 dan telah direkodkan nombor patent di MyIPO.

### Dana Harta Intelek Dan Telah Difile Bagi Patent (2019)

Tajuk ciptaan : A Grinding Jig

Pencipta : Khairul Nizam bin Kamarudin (Jabatan Mekanikal PNS)  
: Amir Muslim bin Mohd Hafidz (Jabatan Mekanikal PNS)

<b>DANA HARTA INTELEK</b>	
<b>Patent Form No. 1</b> <small>PATENTS ACT 1983 THE GRANT OF PATENT (Regulation 7(1D))</small> <b>I. THE RECIPENT OF PATENTS</b> <small>Patentee / Holder of Patent Name: A Grinding Jig Address: Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Dasar Etnik, 71760 Hender Esnek, Negeri Sembilan</small> <small>Malaysia "Penyelincutan or principal place of business : - AS STATED ABOVE - Telephone Number (if any): Fax Number (if any):</small>	
<b>For Official Use</b> <small>Application Received on ..... Received on ..... Amount: *Cheque / Postal Order / Money Order / Draft Cash No.: Date of mailing:</small>	
<small>Please submit this Form in duplicate together with the prescribed fee. Applicant's file reference: 2019P01216NPW I. Title Of Invention : A GRINDING JIG</small>	
<b>II. APPLICANT(S):</b> (the data concerning each applicant must appear in this box or in the space below)	
<small>Name: POLITEKNIK NILAI ID: Passport No.: Address: Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Dasar Etnik, 71760 Hender Esnek, Negeri Sembilan</small>	
<small>Address for service if Malaysia C/O TEE LIN YIK, SUIT 601, 6TH FLOOR, OFFICE, EKOCHEMIS OFFICE, 6 GELITES 691, JALAN CHERAS, BATU 5, KUALA LUMPUR, 56100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA "Penyelincutan or principal place of business : - AS STATED ABOVE - Telephone Number (if any): Fax Number (if any):</small>	
<b>III. INVENTOR :</b> <small>If the applicant is not the inventor: Name of inventor : KINDLY REFER TO THE ANNEXURE I- Address of inventor : KINDLY REFER TO THE ANNEXURE I- A statement justifying the applicant's right to the patent accompanies this Form: Yes <input checked="" type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/></small>	
<b>IV. AGENT OR REPRESENTATIVE:</b> <small>Applicant has appointed a patent agent in accompanying Form No. 17 Yes <input checked="" type="checkbox"/> No <input type="checkbox"/> Agent's name: TEE LIN YIK Address: Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Dasar Etnik, 71760 Hender Esnek, Negeri Sembilan</small>	
<b>V. DIVISIONAL APPLICATION:</b> <small>This application is a divisional application <input type="checkbox"/> The benefit of the filing date <input type="checkbox"/> priority date <input type="checkbox"/> of the initial application is claimed as far as much as the subject-matter of the present application is concerned. Initial Application No.: Initial Application Date: _____ Date of Filing of initial application: _____</small>	
<b>VI. DISCLOSURE TO BE DISREGARDED FOR PRIOR ART PURPOSES:</b> <small>Additional information is contained in supplemental box: Disclosure was due to acts of assistance by the Inventor in <input type="checkbox"/></small>	
<small>PERAKANIAN HARTA INTELEK MALAYSIA INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA Unit 1-7 &amp; Mezzanine, Area 12/14 No. 1, Jalan Sungai Chera 1 Taman Sungai Chera, 56100 Kuala Lumpur, Malaysia Tel: +603-2268 8888 Fax: +603-2268 8889 E-mail: myipo@myipo.gov.my</small>	
<small>CERTIFICATE OF FILING APPLICANT: TEE LIN YIK REQUEST RECEIVED ON: 12 February 2020 TAMAN SUNGAI CHERA 1 AGENT/APPLICANT'S FILE REF.: 2019P01216DP Please find attached a copy of the Request Form relating to the above application, with the filing date and application number marked thereon in accordance with Regulation 25(1).</small>	
<small>Date : 24 FEBRUARY 2020  (Signature) Dr Mohd Ridhuan Dr Nor Rahimy  To : TEE LIN YIK Address: SUIT 601, 6TH FLOOR, EKOCHEMIS OFFICE, 6 GELITES 691, JALAN CHERAS, BATU 5, KUALA LUMPUR, 56100 KUALA LUMPUR, MALAYSIA  (Agensi di bawah Komuniti Pengurusan Sukan Negara Dan Sukan Parlimen)</small>	

Tarikh / Tempat	Aktiviti	Peserta
3 & 4 Mac 2020	SIPPKO 2020	Ts Dr Mohd Ridhuan Dr Nor Rahimy
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	Simposium Pengkomersialan Politeknik dan Kolej Komuniti 2020	
Simposium ini dianjurkan bagi mengenal pasti hala tuju cabaran dan objektif bagi menempuh dan menjayakan misi komersilan di Politeknik dan Kolej Komuniti.		
Produk yang berpotensi untuk pengkomersilan dan harta intelek telah dibentangkan semasa simposium dan dipanjangkan kepada JPPKK bagi dana dan urusan geran.		
1. LPG Gas Cylinder Trolley – Izham Effendy (JKM) 2. Neem Based Organic Insecticide - Penyelia Azlan Yusuff (JAB)		
14 Februari 2020 MyIPO Menara UOA Bangsar, NO:5 Jalan Bangsar Utama	Taklimat Ringkas Pengkomersilan di MyIPO Bagi Pegawai Pusat penyelidikan Inovasi	Dr Nor Rahimy Puan Fardhila Syahira
Meningkatkan pemahaman berkaitan pengkomersilan dan harta intelek, terutama proses permohonan. Patent bagi melindungi harta intelek memerlukan dana yang tinggi, namun demi menggalakkan pelindungan harta intelek. Pencipta dicadangkan memohon copyright yang hanya melibatkan bayaran RM50. Permohonan copyright adalah dari segi hasil penulisan pencipta bagi produk yang berpotensi. Ini adalah salah satu langkah bagi pembuktian penciptaan harta intelek sebelum memohon potent		
1 April 2019	Hebahan Permohonan Dana Paten 2019 kepada Politeknik dan Kolej Komuniti oleh MyIPO	Makluman kepada warga PNS
Menggalakkan aktiviti pengkomersilan dan harta intelek dikalangan warga Politeknik Nilai, idea dan produk yang berpotensi boleh memohon dana bagi menjamin idea dan usaha intelektual mereka dilindungi selain berpotensi menjana pendapatan dari segi perlindungan paten.		

## Pembangunan Penyelidikan Bersama Politeknik Nilai dan Politeknik Negeri Medan, Indonesia

Kolaborasi antara Politeknik Nilai dan Politeknik Negeri Medan Indonesia (POLMED) telah ditandatangani pada 16 oktober 2018. hasil kunjungan delegasi POLMED ke PNS pada 24 september 2019 yang lalu, kedua-dua pihak bersetuju untuk membangunkan penyelidikan bersama. Dalam mengisi persetujuan penyelidikan bersama ini, PNS telah menawarkan khidmat bersama dalam menjalankan kajian di lokasi terpilih di kedua-dua negara serta berkongsi metodologi penyelidikan terkini pihak POLMED. Ts Dr Mohd Ridhuan Mohd Jamil telah diundang sebagai penceramah jemputan kepada para pensyarah di POLMED. Antara bidang yang yang telah dijalankan secara bersama adalah melibatkan bidang Perbankan Islam, ICT, lot, Kejuruteraan, Bioteknologi dan Agrikultur. Pembangunan penyelidikan bersama ini juga berkongsi fasiliti di antara kedua-dua buah negara. akhirnya penerbitan bersama akan diterbitkan di akhir program kolaborasi ini.

### Kertas Penyelidikan

Sebanyak 15 projek penyelidikan telah dibangunkan bersama lebih daripada 30 orang pensyarah PNS.

### Persidangan/Penerbitan

Pada 20 Februari 2020, telah diadakan persidangan antarabangsa **ITARC** yang dianjurkan oleh Persatuan Kedoktoran Malaysia (PKTM) bertempat di PNS bagi membentangkan hasil kajian bersama. Persidangan itu turut disertai oleh peserta daripada institusi luar. Hasil persidangan tersebut kertas penyelidikan yang layak akan diterbitkan di beberapa Jurnal dan prosiding.

### Impak

Kolaborasi penyelidikan antarabangsa ini memberi impak yang sangat baik terutamanya bagi pensyarah Politeknik Nilai. Pensyarah dapat bertukar idea dan pengalaman bersama pensyarah Negara luar. Disamping itu, aktiviti ini juga dapat memupuk budaya penyelidikan di kalangan pensyarah.



**4th National Research of Intellectual Seminar –  
Polytechnic and Community College Reseach of Intellectual Seminar 2019**

Seminar Kebangsaan kali ke-4 Polytechnic & Community College Research of Intelectual Seminar 2019 (PolyCCRISe 2019), PNS telah diadakan di PNS pada 2 Oktober 2019 bagi merealisasikan hasrat membudayakan dan melestarikan penyelidikan melalui PolyCCRISe 2019, pelaksanaan penganjuran seminar kepada warga JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia adalah untuk memenuhi objektif:

- Memupuk minat untuk melaksanakan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan warga JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.
- Melatih warga JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia untuk berfikiran kreatif dan inovatif dalam membincangkan permasalahan kajian dan inovasi yang dihasilkan.

Semua penyelidikan yang telah dibentangkan di seminar ini telah dimuatkan ke dalam bentuk e-prosiding PolyCCRISe 2019: ISBN 978-967-1654 0-4-0. Pautan e-prosiding adalah seperti berikut:



### Kursus Penyelidikan Pasca Siswazah: NGT Dan ISM Sebagai Suatu Metod Terkini Dalam Kajian Penyelidikan Selari Dengan IR4.0

Seramai 30 orang telah menyertai kursus ini yang dijalankan selama 2 hari di Politeknik Nilai, dengan penceramah utama adalah daripada Ketua Pusat Penyelidikan dan Inovasi iaitu Ts Dr Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan di bantu oleh Dr Abdul Muqsith Ahmad sebagai fasilitator. Kursus ini adalah anjuran bersama Pusat Penyelidikan dan Inovasi serta Pusat Pembangunan kemahiran, Politeknik Nilai.



**Yuran Peserta: RM400  
Early bird: RM350  
Deadline: 28 Feb 2019  
Venue: Politeknik Nilai, Negeri Sembilan  
Bahan pustaka dan makanan disediakan**

**8 & 9 MAC 2019**

**KURSUS  
NGT & ISM**

**SEBAIKI TEKNIK TERKINI DALAM KAJIAN  
PENYELIDIKAN SELARI DENGAN IR 4.0**

**Kegiatan Kursus:**

1. Analisis dan Pendekatan Teknikologi (NGT)
2. Pengaruh NFT dalam proses eksperimentasi dan penyelesaian
3. Pengembangan teknologi selari model ilmiah NGT
4. Contoh analisis NGT
5. Pengaruh teknologi dalam pengembangan model pengajaran
6. Pengembangan dan fungsi Perkongsian Ilmu dan Kognitif
7. Pengaruh teknologi dalam pembelajaran
8. Pengembangan teknologi dalam pembelajaran
9. Pengembangan teknologi dalam pembelajaran
10. Analisis menggunakan SPSS
11. Pengaruh penggunaan SSM dalam membangun sumber Lajak
12. Community-based yang dibangunkan menerusi IKT

**Percetakan:**

Dr. MOHD RIDHUAN MOHD JAMIL  
DR. ABDUL MUQSITH AHMAD

**Sebarang Pertanyaan:**

013-3284455 (Zaiton)  
012-9179201 (Aza)

**KURSUS  
KAJIAN PENYELIDIKAN  
REKA BENTUK &  
PEMBANGUNAN:  
SUATU PENDEKATAN UNIK  
& EMPERIKAL  
**22 & 23 FEB 2019****

**TERHAD KEPADA  
25 ORANG SAHAJA**

Penceramah



Ts DR MOHD RIDHUAN MOHD JAMIL

DR MUQSITH AHMAD

Kandungan Bengkel:

- Keadaan mendapatkan gap kajian.
- Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk & Pembangunan (FDM).
- Sebab dan akibat CDR.
- Contoh analisis setiap Fasa.
- Perkiraan analisis setiap sebagai pengukuran efektif.
- Langkah dalam penganalisaan berdasarkan FDM.
- Soal jawab CDR & FDM.
- Analisis dan perbaikan model.
- FDM dalam menghasilkan model.
- FDM dalam hasilkan produk.
- Prosedur penggunaan teknik analisis FDM.
- Tutorial dan bimbingan dalam menjalankan FDM.

~~RM40.00~~ **FREE!**

**Yuran Peserta : RM400**

**Early bird: Sebelum 05 Feb 2019 RM350**

Kursus 2 hari 2 malam,  
Penginapan(Cemara Inn, PNS),  
Makan disediakan, bahan kuliah berbentuk  
softcopy dan template analisis FDM yg telah  
diherlept dan ready to use

**Sebarang Pertanyaan:**  
013-3284455 (Zaiton)  
012-9179201 (Aza)

## KURSUS KAJIAN PENYELIDIKAN REKA BENTUK & PEMBANGUNAN: SUATU PENDEKATAN UNIK DAN EMPERIKAL

Tarikh: 22-23 Feb 2019

Penceramah:

Ts Dr Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Dr Abdul Muqsith Ahmad

### Penganjuran PRIDE 6.0

PRIDE adalah singkatan daripada *Project, Innovation Development and Exhibition* yang bertujuan untuk mengumpulkan projek akhir pelajar yang terbaik daripada setiap jabatan untuk diadili dan dinilai oleh pakar. Suatu program yang berbentuk santai yang mempamerkan 14 projek daripada 7 program pengajian diploma di PNS. Program ini bertujuan untuk memilih projek terbaik dalam kalangan terbaik bagi para pelajar di PNS. Ini adalah suatu inisiatif pihak PPI dalam menghargai usaha dan kerjasama para pelajar tahun akhir membangunkan suatu produk inovasi yang mampu menyumbang kepada perkongsian dan penjanaan ilmu kepada semua.



**Jemputan Ke Majlis PRIDE 6.0**

Pusat Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Nila  
Dengan segala hormatnya mempersilakan

**Warga PNS  
Ke  
Pride 6.0**

**INDUSTRY 4.0**

**PADA 15 OKTOBER 2019 (9.30 PAGI -1.00 PETANG)**  
DI PUSAT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN TEKNOLOGI, POLITEKNIK NILAI

**POLITEKNIK  
MALAYSIA  
NILAI**



## Inovasi

Nama Ketua Penyelidik	Nama Ahli Kumpulan	Nama Produk Inovasi	Nama Pertandingan	Pingat	Peringkat
Mohd Taufik Rezza bin Mohd Foudzi (JKM)	Muhammad Zikri Nazirul bin Zamry Mohammad Hafiz bin Md Anuar Wan Syafika binti Afandi  Muhammad Safwan bin Mohamed Bakri	<i>Mixer and Filler Automatic Machine</i>	<i>Malaysia Technology Expo 2019 (MTE 2019)</i>	Perak	Antarabangsa
Munirah binti Mihat (JAB)	Sarmiladevi a/p K Bhaskaran Tharani a/p Karuppaya Ain Nasuha binti Mustafa	<i>Water, Pest Resistance and Fire-Retardant Fibreboard</i>		Gangsa	
Norshafiqa Binti Salim (JAB)	Renuka Devi a/p N Karunakaran Fara Diba binti Badrul Hisham	<i>Development of Mosquito Repellent Thermocolour Paint for Building Façade using Lemongrass Toward Sustainability Environment in Malaysia</i>	<i>4<sup>th</sup> International Convention and Vocational Student's Innovation Project</i>	Naib Johan	Antarabangsa (Thailand)
Shamariza Binti Maarof(JP)	Mohamad Faiz bin Ahmad Fadhlin Sakina binti Mohd Isa Amirah Fasihah binti Farizal Kishan Nair a/l Gunesegeran	<i>Puncher Can</i>	<i>@PMJB National Innovation &amp; Creativity Competiton 2019 (Pnicc'19)</i>	Emas Best Innovation Green Tech 4 <sup>th</sup> Prize	Kebangsaan
Is Aizat bin Samsuri (JAB)	Vaaishnavi A/P Krishnan Muhammad Na'im Syaqiq bin Othman	<i>The Utilization of Banana Peel Waste as An Organic Npk Enhancer Powder on Corn Plantation</i>	<i>Smartgreen Festival Agro Makanan &amp; Bioteknologi 2019 (Sgfamb 2019)</i>	Platinium	
Mohamad Azlan Yusuff bin Abdul Rahim (JAB)	Nur Ainul Hidayah binti Yusoff Yasouthini a/p Mathialagan	<i>Tannic Acid Extract from Tea Waste as Possible Alternative to Water Treatment Coagulant</i>		Emas	Kebangsaan
Mas Irdawati Md. Shahroon (JAB)	Izzi Izzety binti Noresham Aiman Rahman bin Hassan	<i>Comestible Magnetic Wall Art</i>		Emas	
Noor Atiqah Binti Sanudin (JAB)	Ahmad Iskandar Shah bin Hussien Shah Radiah binti Mislan	<i>Greenery Shelter</i>	<i>Smartgreen Festival Agro Makanan &amp; Biotekno-logi 2019 (SGFAMB 2019)</i>	Perak	Kebangsaan
Mohd Khairil Hilmi Abd Halim (JAB)	Muhammad Afiq bin Azlan Muhammad Nashrulfaiz bin Masuti	<i>Motion Sensor Water Features</i>		Emas	
Nur Assyakirin binti Mohamed Paid (JAB)	Munirah binti Mihat	<i>Gamifying Recombinant Dna Lab Via Quest-Based, Augmented Reality Mobile Learning Tool</i>	<i>International Eureka Innovation Exhibition 2019 (I-Eie2019)</i>	Emas	
Norshazila binti Senawi (JAB)	Ikhmal Hisham bin Abdul Halim Nur Assyakirin binti Mohamed Paid Norshafiqa binti Salim	<i>Qsol: Augmented Reality Based Mobile Apps for Preparing Solution</i>		Perak	Antarabangsa



## Projek Terbaik Pelajar 2019

Produk ini adalah suatu inovasi yang telah dijalankan terhadap troli gas silinder dan diberi nama "LPG Cylinder Trolley". Inovasi yang dilakukan adalah memastikan troli ini berupaya membawa dua tong gas silinder di mana ia menggunakan sistem *tri-wheels* bagi memudahkan proses memindahkan tong gas pada kawasan bertangga. Produk ini berupaya memberi impak yang berkesan kepada para penjual tong gas dalam menghantar gas silinder di kawasan kediaman berbentuk rumah pangsa yang tidak mempunyai lif.

### Objektif Produk Inovasi

- Mereka bentuk dan memfabrikasi produk "LPG Cylinder Trolley".
- Melakukan penambah baikan dengan mengurangkan masa dan tenaga dengan troli berupaya membawa dua tong bersekali menggunakan troli.
- Memastikan pengurangan impak terhadap troli disebabkan bebat tong gas yang berat dengan menambah *suspension* di badan troli.



# PUSAT KEUSAHAWANAN

Pusat Keusahawanan ditubuhkan bagi mencapai visi dan misi yang telah dirangka dengan jelas selaras dengan keperluan Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2016-2020 dan Pelan Strategik JPPKK (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti) 2018-2025. Unit Keusahawanan berperanan:

1. Membentuk budaya dan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar Politeknik Nilai sebagai generasi muda untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan di masa hadapan.
2. Mencetus minat dan kesedaran pelajar kepada aspek yang berkaitan dengan bidang pengurusan keusahawanan dan kewangan.
3. Memupuk nilai-nilai keusahawanan yang tulen seperti belajar untuk mengambil risiko, memupuk minda keusahawanan, kemahiran dan kecekapan membuat keputusan serta dapat mengembangkan jaringan rangkaian usahasama.

## Visi Unit Keusahawanan:


Melahirkan graduan usahawan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan berketerampilan tinggi serta berakhhlak mulia.

## Misi Unit Keusahawanan:

Menerapkan pemikiran keusahawanan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan siswa-siswi Politeknik Nilai Negeri Sembilan.




**STRUKTUR ORGANISASI PUSAT KEUSAHAWANAN POLITEKNIK NILAI TAHUN 2020**



# PELAN TINDAKAN KEUSAHAWANAN 2016–2020

Institusi Pendidikan Tinggi



## PENCAPAIAN Key Performance Indicator 2019



## Bilangan Program Keusahawanan Pelajar

Peringkat	Bilangan aktiviti
Politeknik / Institusi	61
Negeri / Zon	9
Kebangsaan	15
Antarabangsa	-
Jumlah	<b>85</b>



<b>Nama Aktiviti / Program Keusahawanan :Januari - Disember 2019</b>	<b>Tarikh &amp; Tempat</b>	<b>Bil. Pelajar Terlibat</b>
Bengkel Merekabentuk dan Mencetak Button Batch dan Mug	16/01/2019, PNS	40
FAMA Agro-Business Challenge	23/01/2019, PNS	350
RYSE Class Session	Mac-Ogos 2019, PNS	80
RYSE Showcase	25/08/2019 White Box, Publika	8
RYSE Video Series (Top 10 teams)	27/08/2018 Amenic Film Space, PJ	8
Be Smart Program	6-7 April 2019, Bilik Kordinator HEP, PNS	80
National Competition Innovation, Product Launching & Entrepreneurship (INNOPLEN 2019)	27-28 March 2019, POLISAS	5
Pelancaran Program New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) Peringkat IPT Negeri Sembilan (Penyerahan Kiosk My Kopie Satu)	28 Mac 2019, Politeknik Port Dickson	5
Program KPM-Celcom: Siswamall Siri 1	16-18/07/2018 Residensi UTMKL	2
Program ini berjaya mewujudkan jaringan dan kolaborasi di antara ALUMNI, Politeknik dengan Industri. Beberapa industri yang menyertai i-Care 2.0 telah membuka ruang melaksanakan *walk-in interview* untuk memenuhi keperluan industri terutama yang melibatkan graduan Politeknik Nilai dalam penempatan kerja kepada bakal graduan. i-Care berjaya membantu dalam kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan Politeknik Nilai. Secara tidak langsung ia Berjaya meningkatkan kadar bekerja graduan Politeknik Nilai.



### Bengkel Resolusi PolyCC Future MyAlumni Leaders

Bengkel telah dilaksanakan dengan jayanya pada 11-12 November 2019 di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor. Program adalah anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia (JPPKK) melibatkan penyertaan Pegawai Perhubungan Alumni, MPP Politeknik dan Kolej Komuniti melibatkan peruntukan sebanyak RM5,000.00. Bengkel ini telah disertai oleh 21 buah politeknik .



### **Professional Talk: The Best of Alumni**

Program ini telah berlangsung dengan jayanya pada 12 Oktober 2019 di Kolej Komuniti Kuala Langat melibatkan penyertaan 126 orang pelajar (Politeknik dan Kolej Komuniti), pensyarah dan Alumni PNS .

Program ini berjaya mewujudkan penglibatan alumni dan sumbangan alumni. Ia juga memberi ransangan, semangat dan motivasi kepada para pelajar yang sedang mengikuti pengajian untuk berjaya sama seperti yang telah dikecapi oleh alumni. Semangat dan motivasi ini perlu agar pelajar dan alumni akan terus menyumbang ke arah kecemerlangan yang seimbang untuk masa hadapan. Program ini memfokuskaskan perkongsian beberapa alumni yang profesional dalam bidang dan kerjaya masing-masing untuk berkongsi kepakaran, pengalaman dan memberikan motivasi kepada para Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Perkongsian ini memberi kesedaran kepada pelajar bahawa tidak mustahil untuk mencipta kejayaan dengan usaha yang gigih. Melalui pengajian program ini, ia dapat meningkatkan *sense of belonging* alumni politeknik dan kolej komuniti dengan satu semangat untuk saling melengkapi dalam usaha menyuburkan ikatan silaturrahim antara alumni, pensyarah dan pelajar. Semoga semangat yang ditunjukkan oleh alumni dapat dicontohi oleh semua pelajar dan alumni Politeknik Dan Kolej Komuniti Yang Lain.



# UNIT PENGANTARABANGSAAN




Unit Pengantarabangsaan PNS, komited dalam memacu kecemerlangan pendidikan dan latihan di politeknik melalui proses pengintegrasian kepelbagaian budaya ke dalam fungsi pembelajaran dan pengajaran (PdP), penyelidikan dan perkhidmatan di setiap jabatan dan unit. Pelaksanaan fungsi-fungsi tersebut adalah untuk menggiatkan sektor pendidikan dan latihan di PNS dalam pelbagai bentuk kegiatan dan perkhidmatan yang boleh mengangkat politeknik sebagai penyumbang signifikan di peringkat antarabangsa. PNS menyahut seruan pengantarabangsaan seiring dengan Dasar Pengantarabangsaan Politeknik Malaysia yang berkuatkuasa pada 15 Mei 2014 yang telah ditetapkan oleh Bahagian Koordinasi TVET Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) meletakkan hasrat agar pendidikan tinggi Malaysia berkembang pesat di peringkat antarabangsa. Lonjakan ke-8 iaitu Keunggulan Global menfokuskan kepada meningkatkan kedudukan pendidikan tinggi di peringkat global melalui peningkatan pengalaman pelajar antarabangsa, peningkatan ketampakan jenama pendidikan (tinggi) Malaysia, dan penerokaan pasaran baharu. Manakala lonjakan ke-9 pula menekankan pembelajaran dalam talian tahap global. Enam strategi utama pengantarabangsaan PNS yang mendokong PPPM (PT) adalah seperti berikut:

- Kerjasama Antarabangsa
- Persekutuan Pembelajaran Tanpa Sempadan
- Akses Kepada Pelajar Antarabangsa
- Pengiktirafan Antarabangsa
- Artikulasi Program
- Perspektif Antarabangsa

Sepanjang tahun 2018 hingga 2020, Unit Pengantarabangsaan PNS telah berjaya menggiatkan penglibatan politeknik dalam pelbagai bentuk kegiatan yang mengangkat PNS sebagai penyumbang signifikan di persada antarabangsa. PNS telah merekodkan 39 aktiviti pengantarabangsaan ‘inbound’ dan ‘outbound’ meliputi kolaborasi aktif dengan pelbagai negara luar seperti; Indonesia, Thailand, China, Hong Kong, England, Myanmar, Vietnam, Filipina, Italy dan Turki.



## **Asian Sharing Knowledge Camp**

PNS telah berjaya melaksanakan program kerjasama antarabangsa perkongsian ilmu iaitu program '**Asian Sharing Knowledge Camp**' berkonsepkan '**Fun Learning Through Task-Based Activities**' pada 18 hingga 22 Januari 2019 di Lopburi College of Agriculture & Technology, Pa Sak Jolasid Dam, Bangkok, Thailand. Seramai 15 orang pelajar selaku fasilitator bersama 6 orang pegawai PNS terlibat dalam menjayakan program ini. Asian Sharing Knowledge Camp disertai oleh deligasi dari 7 buah negara Asia yang terdiri daripada 20 kolej vokasional di Thailand, Malaysia, Indonesia, Vietnam, Laos, Cambodia dan China dengan jumlah penyertaan keseluruhannya seramai 130 orang pelajar.



Objektif utama program ini adalah untuk menjadikan PNS sebagai pembekal kursus Teknikal Bahasa Inggeris di samping memberi peluang kepada fasilitator-fasilitator (pelajar-pelajar PNS) menambah pengetahuan, pengalaman dan kemahiran dalam mengendalikan program di luar negara. Program ini juga dijalankan bagi memenuhi aktiviti pendidikan dan kolaborasi antarabangsa di bawah bidang pengajian tinggi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand di bawah *Joint Working Group (JWG)*.



Antara aktiviti menarik yang dirancang dan telah dilaksanakan adalah '*Explorace*', '*Spell It Right*', '*Advertisement*' malam kebudayaan dan banyak lagi. Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirangka, peserta-peserta dapat berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan sekaligus meningkatkan keyakinan diri mereka. Program seumpama ini memberi impak yang amat positif bagi fasilitator dari PNS dan peserta-peserta dari negara terlibat di mana mereka mendapat faedah yang berbeza. Program ini diharapkan agar dapat diteruskan di masa hadapan agar lebih banyak pelajar mendapat manfaat dan sekaligus membolehkan pelajar PNS meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dengan cara yang lebih menarik dan santai selain dari pendidikan formal yang diterima dalam kelas setiap hari.



## **South East Asia TVET Students Exchange 2019**

Bermula Oktober 2014, Agenda Pendidikan *Southeast Asian Ministers of Education Council (SEAMEO)* telah menekankan tujuh bidang utama kerjasama dalam alam pendidikan di Asia Tenggara bagi meningkatkan kualiti, akses, kerelevan dan persaingan global. "*Revitalizing Teacher Education*" dan "*Promoting Technical and Vocational Education and Training*" adalah kunci utama dalam mencapai pendidikan yang berkualiti. Dalam memenuhi mandat tersebut, Sekretariat SEAMEO telah mencetuskan satu program yang dikenali sebagai "*Pre-Service Student Teacher Exchange in Southeast Asia (SEA-Teacher Project)*" dan "*SEA-Polytechnic Network: TVET Student Internship Programme*". Sekretariat SEAMEO telah berkolaborasi dengan 72 Institusi Teknikal dan Vokasional (TVET) serta beberapa universiti di Indonesia, Filipina, Malaysia, Thailand dan Vietnam, bagi melaksanakan pertukaran pelajar SEA-TVET yang ke-4 melalui penglibatan industri dalam bidang masing-masing selama empat minggu, bermula dari 7 Ogos hingga 20 Oktober 2019.

Sehubungan itu, penyertaan Politeknik Nilai, Negeri Sembilan dalam *4<sup>th</sup> Batch of SEA TVET Student Exchange Programme Under the SEAMEO Polytechnic Network in Southeast Asia*, merupakan hasil daripada pertemuan semasa *5<sup>th</sup> SEAMEO Polytechnic Network Meeting* Politeknik/ Kolej Komuniti yang telah menyatakan persetujuan dan komitmen dengan memeterai Letter of Agreement (LOA)

**SEA-TVET Students Exchange Programme Politeknik Nilai 1<sup>st</sup> Batch 2019**

**Inbound Students from Politeknik Negeri Medan**

**Institusi:** Politeknik Negeri Medan, Medan (POLMED)

Jalan Almamater No. 1, Kampus Usu Padang Bulan, Kec. Medan Baru, Kota Medan, Sumatera Utara 20155,  
Indonesia

**SEA-TVET Students Exchange Programme Politeknik Nilai 1<sup>st</sup> Batch 2019**

**Inbound Students from Universiti Islam Indonesia**

**Institusi:** Universiti Islam Indonesia, Yogyakarta (Uii) Jl. Kaliurang No.Km. 14,5, Besi, Umbulmartani, Kec.  
Ngemplak, Kabupaten Sleman,

Daerah Istimewa Yogyakarta 55584, Indonesia

**SEA-TVET Students Exchange Programme Politeknik Nilai 1<sup>st</sup> Batch 2019**

**Outbound Students from Politeknik Nilai**

**Institusi:** Politeknik Nilai, Negeri Sembilan (PNS), Kompleks Pendidikan Nilai, Bandar Enstek,71760 Labu, Negeri  
Sembilan, Malaysia

Program ini telah memberikan pelbagai impak positif kepada pelajar, antaranya meningkatkan ilmu pengetahuan para pelajar berkaitan industri yang dipelajari, memberi peluang kepada para pelajar mengenali dan mempelajari adat resam, budaya dan gaya hidup masyarakat negara ASEAN dengan lebih dekat, menambahkan kenalan dan jaringan dari negara luar dan meningkatkan kemahiran komunikasi dan kendiri melalui aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Impak kepada Institusi dimana telah memperluaskan jaringan dengan institusi TVET dari negara ASEAN, menjalinkan hubungan kolaborasi dan kerjasama dengan institusi TVET dari negara ASEAN, mengukuhkan posisi politeknik sebagai penyedia TVET di rantau ASEAN khasnya dan dunia amnya dan mewujudkan peluang perkongsian sumber dan amalan terbaik untuk menghasilkan gagasan idea-idea baru lagi inovatif di institusi masing-masing.

Program ini juga memberi impak kepada negara antaranya dapat mengeratkan hubungan diplomasi dengan negara ASEAN, meningkatkan peluang kerjasama dengan negara ASEAN dan memperkuatkannya ekonomi negara Malaysia dengan peningkatan kemasukan aliran wang ke dalam negara.



## Road to China 2019

Program keusahawanan antarabangsa ini bertujuan memupuk dan membudayakan keusahawanan dengan membangunkan sikap dan personaliti usahawan agar sentiasa cintakan kejayaan dan kecemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan. Program ini menyediakan platform dalam meningkatkan keyakinan terhadap membudayakan keusahawanan di dalam diri selari dengan peredaran moden pada masa kini dan memberikan pendedahan selok-belok perniagaan dan aktiviti pembelian borong secara pukal. Program ini lebih berpusat di Yiwu International Trade City yang menempatkan lebih 75,000 vendor dari seluruh China. Secara khususnya program ini bermatlamat:

- Membangunkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Melahirkan graduan TVET berkualiti
- Memantapkan tadbir urus dalam bidang peruncitan dan keusahawanan
- Memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar dalam mencapai keunggulan global

Program ini telah diadakan selama enam (6) hari di Yiwu, Zhejiang, China iaitu pada 13 hingga 18 Mac 2019 (Rabu – Isnin) di Yiwu, International Trade City, Futian, Yiwu Huangyuan Cloth Market dan Kedai Kraf di Binwang disertai oleh seramai 20 pelajar PNS dan diketuai oleh dua pensyarah akademik; Puan Siti Raudah Binti Azis dan Puan Arnie Chiah Liling telah memberi impak positif dalam membudayakan keusahawanan.

Program ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025 (Pendidikan Tinggi) yang mendasri Lonjakan 1: Melahirkan Graduan Seimbang, Hilostik Dan Bercirikan Keusahawanan. Justeru, program ini merupakan usaha Politeknik Nilai dalam melahirkan beberapa usahawan di dalam kalangan pelajar semasa dan selepas pengajian di politeknik. Kembara ke negara China turut memberikan pendedahan kepada para pelajar selok-belok perniagaan dan aktiviti pembelian borong secara pukal melibatkan perdagangan antarabangsa termasuk urusan import-eksport



## National Convention of Future Farmers

Program The 40th National Convention of Future Farmer of Thailand ini dianjurkan oleh Pejabat Suruhanjaya Pendidikan Vokasional (OVEC) di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Thailand. Tujuan program ini dijalankan untuk membangunkan model *Future Farmer* dan meningkatkan kecekapan para pelajar dan pengajar TVET di Pertanian dan Perikanan di negara-negara Asia Tenggara, terutamanya dalam bidang projek R&D yang inovatif, meningkatkan kepimpinan global, kemahiran kreatif dan komunikatif pelajar yang diperlukan untuk pembangunan pertanian dan mengemaskini inovasi dan pengetahuan dalam pertanian dan perikanan Institusi Pendidikan TVET di Asia Tenggara. Program ini memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar PNS mengenai teknologi bidang pertanian yang terdapat di negara Thailand.



Program ini telah diadakan selama enam hari bermula 9 hingga 14 Februari 2019 di Payou College Agriculture and Technology, Payao Province Thailand. Royal Patronage of Princes Maha Chakri Sirindhorn sudi mencemar duli dengan merasmikan program antarabangsa ini. PNS telah memenangi Silver dalam Pertandingan Gubahan Bunga. Objektif program ini adalah sebagai medan bertukar maklumat berkaitan inovasi baru dalam bidang pertanian Thailand.



Program ini melibatkan 4 orang pensyarah dari Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri (JAB) iaitu En. Muhd Arif Nubli bin Arif, En. Mohd Ashraf bin Ngah, En Muhammad Fadhli Tariq bin Ishak, En. Mohamad Hafiz bin Sulaiman dan seorang wakil pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) iaitu En. Mokhsein bin Abd Manap serta 2 orang pelajar dari Program DLH iaitu Muhammad Arif bin Mohamad Asri dan Muhammad Nasruddin bin Senin.

## **Lawatan Kolaborasi Delegasi Pns Ke Universitas Islam Indonesia (UII) Yogyakarta Sempena 4th Batch of Sea TVET Students Exchange Programme Under the Seameo Polytechnic Network in Southeast Asia 2019**

Jabatan Perdagangan, PNS telah mengadakan Lawatan Jalinan Kolaborasi ke Universitas Islam Indonesia (UII) bersempena menjayakan Program 4th Batch of SEA TVET Students Exchange Programme under the SEAMEO Polytechnic Network in Southeast Asia 2019. Sehubungan itu, lawatan jalinan kolaborasi merupakan langkah pertama dalam merealisasikan program pertukaran pelajar tersebut. Sesi jalinan kolaborasi dalam keadaan santai ini telah menjadi platform pertukaran pandangan penuh berkualiti bagi kebaikan kedua-dua institusi. Melalui lawatan jalinan kolaborasi proaktif dan penuh bermakna sebegini, diharapkan berjaya meningkatkan tahap kecemerlangan pelajar PNS di peringkat Asia Tenggara.

Lawatan jalinan kolaborasi ini telah diadakan selama empat hari iaitu pada 17 hingga 20 Julai 2019 (Khamis – Ahad) di Universitas Islam Indonesia (UII), Yogyakarta melibatkan sekumpulan Ahli Jawatankuasa Kerja SEA TVET PNS yang diketuai oleh Ketua Unit Pengantarabangsaan PNS, Puan Khuzaimah Baharuddin. Turut menyertai lawatan adalah Pn. Dewi Maharah bt Mohd Walid (Ketua Program Diploma Perbankan & Kewangan Islam), En. Zul Aizat b. Hamdan (Penolong Ketua Program Diploma Perbankan & Kewangan Islam), En. Mohd Fuaad b. Fesul (Ketua Centre of Excellence), Muhd Izhar N. Norazizi (Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar) dan Hazirah Haziqah bt Hamsan (Exco Bantuan Kewangan Majlis Perwakilan Pelajar)

Lawatan jalinan kolaborasi ini bertujuan membuka ruang perkenalan dan berdiskusi bagi melancarkan dan memantapkan perancangan dan pelaksanaan proses kerja PNS-UII SEA TVET Student Exchange Program yang dijadualkan pada 17 Ogos sehingga 13 September 2019.



## **Program Kolaborasi Akademik Diploma Bioteknologi, Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri dengan Universitas Bengkulu, Indonesia**

Program kolaborasi akademik ini adalah program tahunan yang melibatkan pihak Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri, PNS dengan Universitas Bengkulu, Indonesia. Seramai 7 orang pensyarah bersama 13 orang pelajar daripada jurusan *Diploma Laboratory Science*, *Diploma Pharmacy* dan *Diploma Midwifery*, Universiti Bengkulu terlibat dengan program tahun ini. Para pelajar telah menjalani program akademik beserta aktiviti-aktiviti pelajar sepanjang berada di PNS bermula 16 - 21 Disember 2019.

Pendedahan yang dilakukan ini telah dapat mengeratkan lagi hubungan dan jalinan kerjasama kedua-dua pihak. Di samping itu, aktiviti ini juga dapat memperkenalkan Malaysia dan sekaligus PNS kepada pelajar-pelajar antarabangsa yang hadir.

Program ini mendedahkan para pelajar kedua-dua institusi kepada pertukaran budaya dan mengeratkan hubungan kerjasama dan persahabatan yang terjalin di antara kedua-dua pihak, memberi semangat serta pendedahan kepada pelajar PNS menyertai program mobiliti ke peringkat antarabangsa disamping mengekalkan hubungan antarabangsa di antara kedua-dua Institusi Pengajian Tinggi serantau.



## **Program Kolaborasi Akademik Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri: 41st National Convention of Future Farmers Organization of Thailand**

3 orang pensyarah pengiring bersama 6 orang pelajar Jabatan Agroteknologi dan Bio-industri telah menyertai program pengantarabangsaan dalam *41st National Convention of Future Farmers Organization of Thailand* selama seminggu bermula 14 hingga 21 Februari 2020 di Surat Thani College of Agriculture and Technology Surat Thani Province, Thailand. Program ini memberi peluang kepada pelajar menambah pengetahuan mengenai penyelidikan dan inovasi sekaligus dapat menambahbaik dan mendapat idea baru bagi projek pelajar. Interaksi dengan pihak antarabangsa dengan lebih dekat bagi menjamin mutu P&P dan perancangan penyelidikan tercapai. Program ini juga berjaya memperkuuhkan kemahiran dan pembangunan intelektual khususnya dalam Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional (TVET).



### **Success Award@PNS 2020**

Unit Pengantarabangsaan PNS telah berjaya menggiatkan politekini ini dalam pelbagai bentuk kegiatan yang mengangkat PNS sebagai penyumbang signifikan di persada antarabangsa. Sepanjang tahun 2018 hingga 2019, Unit Pengantarabangsaan telah merekodkan 39 kali aktiviti pengantarabangsaan ‘inbound’ dan ‘outbound’ meliputi kolaborasi aktif dengan Negara luar seperti Indonesia, Thailand, China, Hong Kong, England, Myanmar, Vietnam, Filipina, Italy dan Turki.

Unit Pengantarabangsaan PNS diterajui oleh Puan Khuzaimah Baharuddin bersama 5 orang Pensyarah. Para pelajar berikut telah turut menyumbang kejayaan pelaksanaan kegiatan pengantarabangsaan di Politeknik Nilai iaitu Kettreya Sanit, Kubheran Selvathurai, Muhammad Amri Md Amin, Zulkhairi Zainal Hisham, Kalaiarasaran Sangkar, Nazwa Najmuddin Mohd Nizwaruddin dan Aiman Mohd Shafie.

Majlis Success Award@PNS 2020 yang diadakan pada 22 Januari 2020 telah mengumumkan Anugerah Khas Pengarah kepada Unit Pengantarabangsaan PNS.



## **Penubuhan Superb Team PNS**

Khamis, 20 Februari 2020 merupakan tarikh bersejarah kepada SUPERB Team PNS kerana secara rasminya pasukan tersebut telah dilancarkan penubuhannya. Pasukan SUPERB Team PNS terdiri daripada pelajar penggerak pelaksanaan kegiatan pengantarabangsaan di PNS iaitu Muhammad Amri bin Md Amin (JP), Kettreya a/p Sanit (JKM), Wan Mohammad Faiz Bin Wan Omanah (JKM), Fatin Syazana binti Abdullah (JAB), Ahmad Fauzi Bin Ahmad Hisham (JP), Amirul Mujahid Bin Sukri Abadi (JAB), Caleb Teng Jia Yi (JAB), Muhammad Daniel Hazlami Bin Mohd Midun (JP) dan Siti Hajar binti Zamri (JP).



Semoga PNS terus cemerlang dalam menggiatkan sektor pendidikan dan latihan dalam pelbagai bentuk kegiatan dan perkhidmatan yang boleh mengangkat politeknik ini sebagai penyumbang signifikan di peringkat antarabangsa, seiring dengan Dasar Pengantarabangsaan Politeknik Malaysia yang telah ditetapkan oleh Bahagian Koordinasi TVET Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia.

### **International TVET Academic and Research Conference**

*International TVET Academic and Research Conference (ITARC)* telah dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kompetensi, Jabatan Perdagangan dengan kerjasama unit antarabangsa telah dilaksanakan selama 4 hari bermula 19 hingga 22 Februari 2020. Program ini merupakan titik permulaan kepada program Edutourism bersama Politeknik Medan (POLMED), Indonesia. Puan Nur Aliyah Binti Azizi bertindak sebagai penceramah dan dibantu oleh Cik Norhidayah Binti Samsu sebagai Fasilitator dalam agenda utama pengisian program ITARC selain lawatan ke tempat-tempat tarikan utama pelancong sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Melaka.

Superb Team menyambut ketibaan delegasi POLMED di KLIA2, dibawa melawat ke Putrajaya dan Melaka Bandaraya Bersejarah dan Menara KLCC. Majlis Makan Malam PNS-POLMED bersama Ketua Pengarah JPPKK turut diadakan di Dewan Sri Putra PNS.



## Program Sukarelawan Membersihkan Pantai Port Dickson

Program CSR Cintai dan Sayangi Alam Sekitar telah diadakan di Pantai Purnama Port Dickson anjuran bersama PNS dan Majlis Perbandaran Port Dickson melibatkan 50 orang peserta (Pelajar DLS 3A) dan para Pensyarah & Ketua-Ketua Unit PNS. Program bermula jam 8.30 pagi sehingga 6.30 petang turut dihadiri oleh Pegawai Kesihatan dan Keselamatan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Tuan Haji Muhammad Latif Putra bin Rapal yang mewakili Yang Dipertua MPPS En Zamri bin Mat Isa.

Semoga kolaborasi aktif sebegini akan menjadi amalan budaya cemerlang PNS yang berterusan. Objektif adalah untuk memupuk budaya mencintai, memulihara dan mengekalkan kebersihan alam sekitar. Program ini juga bertujuan mendekatkan diri pelajar dengan aktiviti kemasyarakatan dan memberikan terapi minda dan aura positif dalam diri, bersesuaian dengan kesedaran kesihatan mental dalam pembangunan diri pelajar. Aktiviti utama yang dijalankan adalah gotong royong membersihkan persekitaran pantai dan selain itu acara sukan pantai, solat berjemaah dan sesi pertukaran hadiah turut diadakan bagi memeriahkan aktiviti. Program telah dimulakan dengan perasmian oleh Pegawai Kesihatan & Keselamatan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Tn Haji Muhammad Latif Putra bin Rapal yang mewakili YDP MPPD En Mohd Zamri bin Mohd Esa. Para pelajar DLS 3A telah berjaya melaksanakan program berimpak tinggi ini dengan penyertaan dan sokongan bersama Para Pensyarah dari pelbagai unit dan jabatan.



**Majlis Penyerahan Sijil Program 4th Batch  
Sea TVET Student Exchange Programme  
Under Seameo Polytechnic Network in  
Southeast Asia**



Pada semester ini, Unit Pengantarabangsaan Politeknik Nilai telah bekerjasama dengan Jabatan Agroteknologi & Bio-Industri untuk Program Inbound Universitas Bengkulu Indonesia dan *Outbound Future Farmers* di Thailand. Kolaborasi aktif PNS bersama Politeknik Negeri Medan (POLMED) disemarakkan lagi dengan program pengantarabangsaan bersama dengan Jabatan Perdagangan, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Unit Penyelidikan & Inovasi serta unit-unit lain di PNS telah bekerjasama menguruskan Edutourism dan ITARC 2020.

**Program Secara atas Talian Anjuran Seameo dan Bahagian Pengantarabangsaan Unit Koordinasi TVET JPPKK Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**  
**18 Mac 2020 hingga 9 Jun 2020**  
**Kesan Pandemik Covid-19**

<http://link.seameo.org/webinar/20200528>

**Pasca Covid-19:**  
**Strategi Bina Semula**  
**Ekonomi Negara**

**29 MEI 2020**  
**3.00 PETANG**

**f bennamaofficial**  
**f MajlisProfesorNegara**  
**c www.bennama.com**

**PROGRAM**  
**Suara PROFESOR NEGARA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BICARA PROFESIONAL KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**NORMAL BAHARU: SATU REALITI**  
**DISKUSI TKPPM (SPPK) BERSAMA-SAMA GURU**

**Dikgu Alfred** **Dikgu Aziza** **Dikgu Zain** **Dikgu Nuriyah**  
**Dikgu Marina** **Dikgu Nisamuddin** **Dikgu Chung** **Dikgu Saffuan**

**Tarikh: 05 Jun 2020 (Jumaat)**  
**Masa: 10.00 pagi**

**Saksikan webinar dengan melayari:**  
<https://spkpm.moe.gov.my>

**Anjuran Bahagian Profesionalisme Guru**

**YBRS. DR. AHMAD RAFFE BIN CHE KASSIM**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**COVID-19 Effects on Biodiversity: Science Education Reimagined**  
5 June 2020, 10:00-11:30 hrs (GMT +7)

**Keynote Speaker:** Dr. Vivi Ermiani, Researcher, United Nations University Institute for Biodiversity, Sustainability (UNU-IAS)  
**Opening Remarks:** Dr Dennis Bear, Chief Executive Officer, UNESCO Bangkok Thailand  
**Moderator:** Dr Jason O. Fernandez, Deputy Director, Department of Education, Indonesia

**Panellists:**  
Dr. Oliver R. Gonzales, Centro de Investigaciones y Estudios Avanzados del I.P.N., Mexico  
Dr. Sri Sudarmadi, Secretary General, SEAMEO BIOTROP, Indonesia  
Assoc. Prof. Dr. Krishnachari, Director of Cofc for Academic Research, Mahidol University, Thailand  
Dr. Jonathan D. Baldwin, Department of Biological Sciences, University of San Jose, Philippines

**Registration Link:** <https://seameo.unesco.org/seameo-unesco-joint-webinar-on-world-environment-day>

**LIVE on YouTube** <https://www.youtube.com/watch?v=HgXWzDfCwRQ>

**Competitiveness Talk #2**  
**The New Normal - Future of Malaysia's TVET Post Covid-19**

**4 June 2020 | 12.00pm - 1.30pm**

**COVID-19 has changed and created a new normal in our daily lives. This pandemic presents unprecedented challenges not only for business and social activities but also for education. In this webinar series, we shall discuss the challenges, innovative teaching methods, and new knowledge for Technical and Vocational Education and Training (TVET) in Malaysia. The adoption of this new normal is crucial to ensure the sustainable development of skilled, knowledgeable, and highly competitive workers.**

**Panelists:**  
Dr. Shamsuri Abdullah, Director, TVET Coordination Division, Department of Polytechnic and Community College Education, Ministry of Higher Education  
Pawati, Dr. Bahrul Khair, Industry Specialist, Machinery & Equipment Productivity News  
Moderator: Dr. Mohd Farid Aladdin, Lecturer, Faculty of Hospital & Technology, Taylor's University

**MPC COMPETITIVE MALAYSIA**  
Register now! Seats are limited!

**INTERNATIONAL WEBINAR SERIES**

**EDUCATION ON COVID-19 - PEDAGOGY LEARNING COMPETENCY**  
Dr. Armando D. Junio, Pangasinan State University, Philippines  
Sekolah Tinggi Ilmu Komunikasi dan Media (STIKOM) Malang, Indonesia

**REGISTRATION**  
<https://bit.ly/2APNajS>  
10AM - 12PM (INDONESIA TIME)

**FREE!! LIMITED SEATS..**

**0341 - 560823** **www.stki.ac.id** **Jl. Raya Tidar 100 Malang**

**RESTART SERIES**  
**ACCELERATING TVET TRANSFORMATION POST COVID-19**

**8th JUNE 2020 (Monday) 8.30pm**

**Dr. Shamsuri Abdullah, Director, TVET Coordination Division, Ministry of Higher Education**  
**Salmahan Podian, President, Federation of IPA Accredited Centers (FeMAC)**  
**Callum Chen, President of Malaysia Consortium of Mid Tier Companies (MCMTQ)**  
**Assoc. Prof. Ts. Dr Razali Hassan, Director, Malaysia Consortium of Mid Tier Vocational Education & Training (MyVET)**

**FREE!!** **TVET WEBINAR SERIES**

**VOCATIONAL GRADUATES CHALLENGES IN NEW NORMAL ERA INDUSTRY PERSPECTIVE**

**JUNE, 20th 2020 10.00 - 11.30 AM (Jakarta & Standard Time)**

**TEBIB ISKANTO** **EKO S WIDOWO** **RIZKI HUGROHO**  
**TOPIK MODERATOR**

**ORGANIZED BY:**  
In STIKOM PGRI Palembang, Universitas PGRI Palembang (UNSPGRI), Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN Syarif Hidayah), Pendidikan Teknik Informatika dan Komputer (PTIK) Universitas PGRI Palembang (UIN PGRI)

**REGISTER** <https://tinyurl.com/yxqyv64t>

**Save the Date for SEAMEO Webinar Series in June**

**18 June** **Strategic Ministerial Policy e-Forum on COVID-19 Response**

**05 June** **Biodiversity: Science Education Reimagined**

**22 June** **ECCE and Parenting During COVID-19**

**11 June** **Developing Flexible & Technology-Mediated Learning Programmes**

**30 June** **New Normal: Emerging New Culture in Southeast Asia**

**25 June** **Reaching the Unreached and Teachers Call to Action during COVID-19 Pandemic**


**For more inquiries:** [webinar@seameo.org](mailto:webinar@seameo.org)

**SEAMEO Secretariat** **seameo\_s** **SEAMEO Secretariat**  
**SEAMEOsecretariat** **seameo\_s** **SEAMEO Secretariat** [www.seameo.org](http://www.seameo.org)

# UNIT PENGURUSAN KUALITI

Unit Jaminan Kualiti (UJK) bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan kualiti di Politeknik Nilai. Ia ditubuhkan pada 1 April 2014. Unit Pengurusan Kualiti berperanan dalam urusan berikut:

- Sekretariat Pengurusan Kualiti Politeknik
- Perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan program/aktiviti pengurusan kualiti Politeknik
- Perkhidmatan/bantuan dalam pengurusan kualiti



## Audit MS ISO 2008: 2015

Pihak SIRIM QAS International telah melaksanakan audit pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti PNS selama tiga hari pada 6-8 Julai 2020. Ketua Juruaudit adalah Encik Muhamad Fadhlullah bin Rahmat. Pertama kali dalam sejarah buat PNS kerana proses audit ini menggunakan kaedah secara jarak jauh (*remote*) berikutan Pandemik COVID-19. Skop pensijilan adalah 'Perkhidmatan Pendidikan dan Latihan di peringkat Diploma dalam Bidang Kejuruteraan, Perdagangan, Agroteknologi dan Bio- Industri.

Pencapaian objektif kualiti bagi semua peringkat proses dan bahagian yang dikenalpasti adalah baik dan memuaskan. Objektif kualiti yang dikenalpasti adalah tekal dengan polisi kualiti dan perancangan strategik organisasi yang diselaraskan dengan KPI proses. Semua pemantauan dan tindakan penambahbaikan berterusan dilaksanakan dan direkodkan dengan baik. PNS telah memperoleh 1 NCR dan 1 OFI.



## Akreditasi ETAC.

Program Kejuruteraan Mekanikal PNS telah melalui proses akreditasi oleh ETAC pada 14 – 15 September 2020. Panel Penilai adalah AP. Dr Zulkiflie bin Leman (UPM) selaku Ketua Panel, Ir.AP. Dr Bulan binti Abdullah (UiTM), dan Ir. Mohd Hafzi bin Md Isa (MIROS). Ketua Panel telah membentang hasil dapatan audit kepada AMP, Staf JKM dan Staf sokongan. Laporan penuh dijangka akan dapat diketahui dalam tempoh sebulan daripada tempoh audit dijalankan.



## MQA

Tarikh	Program
25/02/2020	Taklimat Audit Penilaian Mqa-04 Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Tengah bagi Program Perniagaan di Bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
03/03/2020	Mesyuarat Akreditasi Bil 1/2020
22/07/2020	Mesyuarat Pelarasaran Akreditasi MQA
04/08/2020	Kursus Pemantapan Outcome Based Education (OBE)
05/08/2020	Kursus Persediaan Akreditasi Mqa-02 Dan Audit Pematuhan Mqa-04
13/08/2020	Mock Audit Akreditasi Penuh Program (MQA-02)
15/09/2020	Mesyuarat Persiapan Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh (MQA-02)
25/09/2020	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh mqa-02
30/09 - 02/10/2020	Bengkel penyediaan dokumen akreditasi penuh (MQA-02)
08 – 09/2020	Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh (MQA-02)
16/10/2020	Taklimat Penyediaan Dokumen Lampiran Bagi Keperluan Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Mqa-04
04/11/2020	Penghantaran Dokumen Pematuhan Akreditasi Penuh (MQA-04)

### **Mock Audit Akreditasi Penuh Program (MQA-02)**

UDJK dengan kerjasama Jabatan Perdagangan telah menganjurkan *Mock Audit* Akreditasi Penuh Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS). *Mock Audit* ini merupakan langkah pertama sebelum penilaian audit sebenar ke atas Program DBS yang telah mendapat kelulusan Akreditasi Sementara dan perlu mendapat Akreditasi Penuh selewat-lewatnya satu (1) sesi sebelum kohort pertama pelajar bergraduat. Penilaian bertujuan memastikan kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan Program DBS yang ditawarkan telah menepati standard kualiti dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM). Di samping, memastikan Program DBS telah membuat persiapan bagi menerima lawatan penilaian audit akreditasi penuh yang sebenarnya oleh pihak MQA.



Dua orang Ahli Panel Penilai telah dilantik bagi menyemak dan mengesahkan dokumen dan fail bukti bidang, serta menilai persediaan Program DBS dalam mempermudah persediaan dokumen dan fail bagi tujuan audit sebenar. Panel Penilai adalah Dr Sabariah bt Hj Bohanudin (Pensyarah Utama DH54 Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz) dan Dr. Mazura Binti Mansor (Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Sultan Idris Shah)



*Mock Audit* Akreditasi Penuh Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) telah dirasmikan oleh Penagah; Tuan Haji Nazri Bin Idris. *Mock Audit* dilaksanakan pada 13 Ogos 2020 (Khamis) pada pukul 09:00 pagi – 05:00 petang di PNS. Secara keseluruhannya, *Mock Audit* Akreditasi Penuh Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) telah berjalan dengan baik. Teguran dan cadangan dari Ahli Panel Penilai diterima dengan baik dalam menambahbaik persediaan Program DBS dalam menghadapi audit sebenar.

## **Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program (MQA-02)**

Secara umumnya, terdapat dua pendekatan utama yang digunakan oleh pihak MQA bagi menjamin kualiti pengajian tinggi di Malaysia. Pendekatan pertama ialah pengakreditan program dan kelayakan. Manakala, pendekatan kedua ialah pengauditan institusi atau komponen institusi tersebut. Kedua-dua pendekatan tersebut adalah berbeza tetapi saling berkaitan. Terdapat dua tahap akreditasi program. Tahap pertama ialah Akreditasi Sementara yang mengesahkan bahawa suatu program berkenaan telah memenuhi keperluan minimum. Tahap ini berkaitan dengan usaha mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk pengendalian program tersebut. Tahap kedua ialah Akreditasi Penuh yang merupakan satu penganugerahan menandakan bahawa suatu program itu telah memenuhi kriteria dan standard yang ditentukan dan mematuhi MQF.

Sehubungan dengan itu, UDKJ telah diamanahkan melaksanakan Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program (MQA-02) Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS); melengkapi syarat utama penganugerahan Akreditasi Penuh. Lawatan audit ini telah didatangi oleh dua orang Ahli Panel Penilai dan seorang pegawai MQA yang telah dilantik bagi menyemak dan mengesahkan dokumen dan fail bukti bidang. Ahli Panel Penilai adalah Pn. Maslina Mohd Masri, Prof. Madya Dr. Aslina Saad, Pegawai MQA (Puan Aifa Hazwani Ariffin)

*Mock Audit* Akreditasi Akreditasi Penuh Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) telah dirasmikan oleh Penagrah; Tuan Haji Nazri Bin Idris. *Mock Audit* dilaksanakan pada ketetapan pada 8 -09 Oktober 2020 (Khamis - Jumaat) bermula 09:00 pagi – 05:00 petang.

Secara keseluruhannya, Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh (MQA-02) Program Diploma Sistem Maklumat Perniagaan (DBS) telah berjalan dengan baik. Hasil dapatan yang telah dibentangkan oleh Ahli Panel Penilai mengembirakan pihak Politeknik Nilai. Lulus Akreditasi Penuh telah pon diperolehi berdasarkan Ringkasan Perakuan Dokumen Akademik, Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi Bilangan Malaysia, bertarikh 27 Oktober 2020 (Selasa)



10 Tahun 2020, Agensi Kelayakan

## **Penghantaran Dokumen Pematuhan Akreditasi Penuh (MQA-04)**

Pematuhan Akreditasi Penuh merupakan penilaian bagi memantau program yang dikendalikan oleh Politeknik Nilai yang telah mendapat Akreditasi Penuh dapat mengekalkan, mempertingkatkan kualiti, standard dan kriteria yang ditetapkan dalam menjamin kualiti program. Penilaian ini akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun atau mana-mana tempoh lain yang dipersetujui oleh pengurusan bagi program berstatus Akreditasi Penuh dan tidak termasuk program badan profesional.

Berdasarkan surat edaran dari Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), bertarikh: 14 Oktober 2020, terdapat dua (2) program akademik Jabatan Perdagangan tersenarai untuk membuat Penghantaran Dokumen Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh (MQA-04) ke Pihak MQA. Program tersebut adalah;


- i) Program Diploma Diploma Kewangan dan Perbankan Islam (DIB)
- ii) Program Diploma Pengurusan Logistik dan Rantaian Bekalan (DLS)

Dr Faraziah binti Hassan selaku Pegawai Akreditasi Politeknik Nilai telah berjaya membuat Penghantaran Dokumen Pematuhan Akreditasi Penuh pada tarikh 04 November 2020 (Rabu) pukul 12:50 tengah hari. Secara keseluruhannya, dua program akademik Jabatan Perdagangan telah berjaya membuat penghantaran dokumen kepada pihak MQA mengikut garis panduan dan ketetapan yang diberikan.

# UNIT TEKNOLOGI HIJAU



Unit Teknologi Hijau, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan kini diterajui oleh seorang Ketua Unit Teknologi Hijau dan dua(2) pegawai daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan seorang daripada Jabatan AgroKultur dan Bioteknologi. Rajah 1 menunjukkan carta organisasi yang terkini. Terdapat dua jawatan pegawai teknologi hijau yang masih belum diisi.



## Program KITAR3cycle

Program Kitar3cycle ini adalah anjuran bersama Unit Teknologi Hijau dan SWM Environment Sdn. Bhd dengan sokongan JHEP, Unit Kamsis dan Unity Ko-kurikulum bagi menerapkan amalan menjaga alam sekitar melibatkan 359 penyertaan (pelajar dan staf PNS). Bagi yang mendaftar dengan SWM Environment diberikan pelekat kod bar untuk mengenalpasti data individu yang menjalankan aktiviti kitar semula dan juga merekod nilai mata yang diperoleh yang boleh ditebus mata ganjaran dalam bentuk wang tunai. Program di rasmikan oleh Pengarah Politeknik Nilai, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Tn. Hj. Nazri Bin Idris.

Program diadakan pada 17 Januari 2020 (Jumaat) di Kafe Sri Lawang PNS bersama tetamu jemputan En. Daniel Sahrill Abdul Hadi (Eksekutif Kanan Komunikasi Korporat SWM Environment). Program ini memberikan impak kepada warga PNS dari segi pengetahuan mengenai pengurusan sisa pepejal dengan cara yang betul dan berkesan, memberi kesedaran warga PNS terhadap tanggungjawab menjaga dan memulihara kebersihan persekitaran dan memberi pengalaman menjalankan aktiviti kitar semula.



## Program World Cleanup Day


Program World Cleanup Day anjuran SWM Environment Sdn Bhd, telah diadakan pada 29 September 2020 bagi tujuan membersihkan Pantai Saujana, Port Dickson. Program ini dapat menyedarkan setiap warganegara untuk bertanggungjawab terhadap khazanah negara dan kecintaan terhadap bumi Malaysia yang indah ini. Sejumlah 11 buah organisasi turut serta antara nya ialah Politeknik Port Dickson, Majlis Belia Port Dickson, Coca Cola dan banyak lagi. Seramai 17 orang pelajar politeknik dan 6 orang pensyarah turut serta. Pelajar telah berjaya megumpul pelbagai sampah termasuk puntung rokok. Pelajar politeknik juga telah berjaya mengumpul sampah terberat sejumlah 46kg.



# UNIT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PELAJAR



CARTA ORGANISASI POLYSKILL/WSMB 2020



Unit Pembangunan Kemahiran Pelajar ditubuhkan untuk memantapkan pengurusan bagi penyertaan politeknik ke Pertandingan Polyskills dan World Skill Malaysia Belia. Unit diketuai oleh Pn Maheran Bt Sulaiman dan Penyelaras Polyskill PNS En. Mohd Shukri bin Abdul Hamid. Tahun pertama penubuhan telah berjaya membawa PNS merangkul tempat ketiga juara keseluruhan politeknik seluruh Malaysia. Peserta polyskills yang memperoleh mata merit kelayakan sewaktu pertandingan Polyskills adalah layak untuk bertanding di peringkat World Skill Malaysia Belia iaitu pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia.

## Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2019

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2019 telah diadakan pada 19 November 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis dianjurkan oleh Jabatan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dengan mensasarkan pengiktirafan kelayakan bidang Floristry untuk menyertai pertandingan di peringkat WorldSkills Competition di China 2021. Penyertaan adalah bagi mengetahui tahap pencapaian mata dan kedudukan dari pertandingan World Skill Malaysia Belia 2019 Peringkat Kebangsaan yang telah dijalankan di CIAST, Shah Alam. Majlis dirasmikan oleh YB M. Kula Segaran, Menteri Sumber Manusia, Kementerian Sumber Manusia. Saudari 'Ainul Mahfuzah binti Rozman dari Jabatan Bioteknologi & Agro Industri, PNS telah memenangi pingat Perak bidang *Floristry*. Kejayaan ini merupakan pencapaian ulung PNS di peringkat WSC.



## Polyskill 2019

Pertandingan Polyskill 2019 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA) & Politeknik Kuala Terengganu (PKT) sedang berlangsung pada 16 - 19 Sept 2019. Politeknik Nilai menghantar sebanyak 9 bidang yang dipertandingkan. floristry, lanskap & gardening, fotografi, CADD, kimpalan, freight forwarding, mekatronik, visual merchandising dan web design

PNS menyertai 9 bidang yang dipertandingkan dan memenangi 3 emas, 2 Perak dan 1 Gangsa :

- Floristry  
Jurulatih : Pn Nor Haziah Hussin, Pn Norhafizah Suhad dan Pn Dewi Maharah Mohamad Walid  
*Gold- Nur Raydhatus Jannah Binti Rahmat*  
*Silver- Loh Huey Chern*
- Landscape & Gardening  
Jurulatih : En Mohamad Hafiz bin Sulaiman  
*Gold & Anugerah Tangan Emas*  
*Wong Jun Hao*  
*Mageswaran A/L Veeravinayan*
- Welding  
Jurulatih : En Mokhsein bin Abdul Manap  
*Silver- Muhammad Fitri Bin Nordin*
- Freight Forwarding  
Jurulatih : En Muhammad Hamizan Bin Ab. Hamid  
*Gold - Nurul Shahira binti Mohd Hashim, Nurul Ain binti Abdul Rahman dan Solehah Murshida binti Aziz*
- Visual Merchandising  
Jurulatih : Pn Nuranika Shamimi Shamsdin dan Pn Azalinda Mat Saad  
*Bronze - Nurul Dina Binti Yuzairi*



Terima kasih di atas komitmen semua jurulatih & penyelaras polyskill PNS yang bertungkus lumus dalam menjayakan pertandingan ini dan mari sama-sama kita warnai PNS dengan bakat-bakat baru dan terpendam untuk Polyskills 2020.

## **Program Komuniti Outreach Kitar Semula SWCORP-SWM Environment #Jangangunalah**

Program Komuniti Outreach Kitar Semula SWCorp-SWM Environment #JanganGunalah telah berlangsung di Dewan Sri Putra dan persekitaran PNS 27 Februari 2020 (Khamis) dengan Kerjasama/anjuran SWM Environment-SWCorp, Unit Teknologi Hijau PNS, Majlis Perwakilan Pelajar PNS dan Sukarelawan Pelajar PNS .

Program melibatkan 60 orang pelajar (30 orang pelajar JAB dan 30 orang pelajar JKM) dan juga staf PNS bersama VIP Tuan Nordin Bin Amat (Pengarah SWCorp Negeri Sembilan), Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin (Pengurus Besar Korporat SWM Environment) dan Dr. Alashari Hj Othman (Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan SWM Environment).

Program ini telah memberikan peluang kepada sukarelawan memperolehi ilmu baharu mengenai kitar semula dan juga dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka (kemahiran berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan) serta menjalin hubungan strategik di antara pihak PNS bersama SWM Environment-SWCorp. Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program. Scavenger Hunt, Ceramah, projek kitar semula (dari t-shirt lama) dan kuiz.





# LAPORAN TAHUNAN POLITEKNIK NILAI NEGERI SEMBILAN

2019  
2020

eISSN 2785-8103



9 7 7 2 7 8 5 8 1 0 0 0 6